

MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
2018

HARI ISNIN : 22 OKTOBER 2018

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN STEVEN CHOONG SHIAU YOON
[TEBRAU]**

TARIKH : 22 OKTOBER 2018 (ISNIN)

SOALAN NO. 1

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan bilakah **program sokongan komuniti di pangsapuri kos rendah dan Projek Perumahan Rakyat (PPR)** bagi membantu ibu bapa yang berhadapan masalah penjagaan anak akan dijalankan dan bagaimana Kementerian memantau pelaksanaan program ini supaya keselamatan kanak-kanak terjamin.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, program sokongan komuniti di Program Perumahan Rakyat (PPR) bagi membantu ibu bapa dalam penjagaan kanak-kanak telah dimulakan pertama kalinya menerusi Program Mendaya Komuniti di PPR Lembah Subang 2 pada 30 September 2018 dan akan dikembangkan kepada PPR yang lain secara berperingkat. Menerusi program ini, Kerajaan telah mengenal pasti beberapa orang penduduk untuk menjadi sukarelawan bagi menawarkan perkhidmatan penjagaan kanak-kanak dan juga menempatkan Pegawai Sekretariat di PPR dari Kementerian.
2. Dengan kerjasama dari Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), sukarelawan ini diberikan latihan yang sewajarnya dalam asas penjagaan kanak-kanak dan juga memberikan khidmat nasihat dalam membantu ibu bapa yang berhadapan dengan masalah dalam penjagaan anak.
3. Tugas Pegawai Sekretariat dari Kementerian pula adalah untuk mengenal pasti dan menyediakan sistem pemantauan untuk memastikan sukarelawan yang terlatih dan semua terlibat penjagaan kanak-kanak. Seterusnya sekretariat menyediakan laporan berkala berkenaan penjagaan kanak-kanak di PPR tersebut untuk dikemukakan kepada Kementerian.

Sekian, terima kasih.

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : Lisan

DARIPADA : Tuan Che Alias Bin Hamid [Kemaman]

TARIKH : 22 Oktober 2018

SOALAN : Tuan Che Alias Bin Hamid minta
MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI
menyatakan status penambahbaikan National Feedlot Centre (NFC) beserta hutang yang ditanggung sehingga Jun 2018.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Pusat Fidlot Nasional (PFN) atau *National Feedlot Centre* (NFC) telah dibangunkan untuk mewujudkan rangkaian pengeluaran daging lembu secara perladangan kontrak dengan jaringan pemasaran yang bersepadu di seluruh negara.

Bagi memastikan pengeluaran daging lembu dapat ditingkatkan di kawasan terbabit, Kerajaan bercadang untuk menggunakan konsep penyertaan pihak swasta (*private driven*). Walau bagaimanapun, pihak Kerajaan masih perlu menyediakan peruntukan penyelenggaraan kawasan dan infrastruktur Ladang Satelit Nasional (LSN) yang disewa berdasarkan syarat perjanjian yang ditentukan mengikut peraturan semasa.

Kawasan *National Feedlot Centre* (NFC) di Gemas, Negeri Sembilan telah dikosongkan oleh pihak *National Feedlot Corporation* (NFCorp) pada Mac 2017 dan telah diletakkan di bawah tanggungjawab Kerajaan Negeri Sembilan.

Pada masa ini, pihak Kementerian sedang dalam perancangan untuk mengenalpasti syarikat dan pengusaha baharu di kawasan penternakan yang baharu khusus untuk pembangunan industri ruminan, dalam usaha bersepadu Kerajaan untuk meningkatkan kadar pengeluaran daging negara.

Berkenaan status pinjaman, Kementerian Kewangan memaklumkan bahawa baki pinjaman belum selesai NFCorp sehingga 30 Jun 2018 adalah berjumlah RM248.9 juta (termasuk pokok, faedah dan faedah lewat).

SOALAN 3

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KE-2, PENGGAL PERTAMA, PARLIMEN KE-14,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN KARUPAIYA A/L MUTUSAMI
[PADANG SERAI]
TARIKH : 22 OKTOBER 2018 (ISNIN)

SOALAN :

Tuan Karupaiya A/L Mutusami [Padang Serai] minta PERDANA MENTERI menyatakan:

Apakah perancangan Kerajaan untuk meningkatkan sosioekonomi yang berwajah baharu walaupun sebelum ini Kerajaan Barisan Nasional telah membelanjakan RM100 juta bagi menjana sosioekonomi masyarakat India.

SOALAN 41

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA, PARLIMEN KE-14,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN SIVAKUMAR VARATHARAJU NAIDU
[BATU GAJAH]
TARIKH : 24 OKTOBER 2018 (RABU)

SOALAN :

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah] minta PERDANA MENTERI menyatakan:

Sama ada audit forensik telah dilakukan terhadap SEDIC. Nyatakan rancangan-rancangan yang telah disusun atur melalui SEDIC untuk membantu memperkasa dan mengukuhkan sosioekonomi kaum India supaya dapat bersaing dalam arus pembangunan negara.

JAWAPAN: YB SENATOR WAYTHA MOORTHY A/L PONNUSAMY
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Datuk/Tuan Yang di-Pertua,

Izinkan saya menjawab soalan **YB Tuan Karupaiya A/L Mutusami [Padang Serai]** secara bersama dengan soalan **YB Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]** yang bertarikh **24 Oktober 2018** memandangkan kedua-duanya menyentuh isu yang sama iaitu berkenaan dengan perancangan Kerajaan berhubung pembangunan **sosioekonomi masyarakat India**.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kerajaan telah membelanjakan sejumlah RM203,718,286.73 bagi pembangunan sosioekonomi masyarakat India sepanjang tahun 2014 sehingga 2017.

SEDIC yang bertanggungjawab tentang hal ehwal masyarakat India menaruh harapan tinggi kepada YB Menteri Kewangan untuk mengagihkan peruntukan yang setimpal kepada masyarakat India dalam Belanjawan 2019 yang mana akan dibentangkan pada 2 November 2018. Berdasarkan peruntukan kewangan yang diberi dalam Belanjawan 2019, saya akan memastikan hala tuju SEDIC untuk melaksanakan program-program pembangunan sosioekonomi masyarakat India terus dipertingkatkan dan mencapai agenda memperkasa socioekonomi masyarakat India terutamanya mereka di golongan B40 di bawah Kerajaan ini.

Antara perancangan yang telah dikenalpasti dan dalam pertimbangan termasuklah memperkenalkan program-program memperkasa wanita India, meneruskan penglibatan B40 dalam agenda pembangunan negara, menggalakkan pemilikan perumahan dan sebagainya. Program-program berimpak tinggi dengan menggunakan kos secara optimum merupakan hala tuju SEDIC dalam memastikan SEDIC dapat mencapai matlamatnya iaitu meningkatkan taraf hidup, status, dan keupayaan masyarakat India secara keseluruhannya.

Pendekatan-pendekatan yang bakal dicadangkan akan memberi penekanan kepada 6 teras sejajar dengan agenda pembangunan masyarakat India iaitu:

- (i) Sekolah Tamil dan Prasekolah;
- (ii) Merealisasikan Potensi Kanak-Kanak / Remaja;
- (iii) Meningkatkan Penyertaan Sosial dan Isu Berkenaan Tempat Ibadat;
- (iv) Menambah baik Kehidupan dan Kekayaan – Pekerjaan dan Keusahawanan;
- (v) Penyampaian Kepada Komuniti dan Projek Khas; dan
- (vi) Suntikan Ekuiti.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, SEDIC sedang kini menjalani perubahan drastik dalam usaha memastikan agensi ini adalah bersifat *people centric* dan sentiasa relevan khususnya kepada masyarakat India di negara ini. Kemenangan Pakatan Harapan dalam PRU Ke-14 merupakan aspirasi keinginan rakyat untuk melihat perubahan dan Kerajaan semasa memberikan komitmen untuk melaksanakan aspirasi-aspirasi tersebut. Saya sebagai Menteri yang bertanggungjawab akan memastikan SEDIC sentiasa relevan kepada masyarakat India sebagaimana mandat yang diberikan oleh rakyat.

Berhubung pertanyaan yang dibangkitkan oleh YB Batu Gajah berkaitan audit forensik SEDIC, sukacita saya maklumkan bahawa Jabatan Audit Negara telah pun memulakan pengauditan terhadap SEDIC pada 26 September 2018. Sesi audit ke-2 (iaitu pengauditan terperinci) akan dilaksanakan pada masa terdekat dan jangka masa penyelesaian audit secara sepenuhnya dijangka mengambil masa 6 ke 8 bulan memandangkan ia melibatkan pelbagai agensi kerajaan dan agensi luar serta kompleksiti dari segi kepelbagaian program dengan kaedah pelaksanaan program yang berbeza.

Datuk/Tuan Yang di-Pertua,

Sekian sahaja jawapan saya.
Terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN AHMAD FADHLI BIN SHAARI
[PASIR MAS]
TARIKH : 22 OKTOBER 2018 (ISNIN)

SOALAN NO. 4

minta **MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan perkembangan pemasangan PV solar kepada rumah penduduk Malaysia yang dikatakan seterusnya akan menjual elektrik yang dijana kepada Tenaga Nasional Berhad (TNB) menerusi mekanisme '*Feed in Tariff*' (FiT).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Permohonan mekanisme tarif galakan atau lebih biasa dikenali sebagai *Feed-in Tariff* (FiT) melibatkan 5 kategori sumber *renewable energy* iaitu solar, biogas, biojisim, geoterma dan hidrokuasa kecil.
2. Daripada jumlah kapasiti yang diluluskan oleh Sustainable Energy Development Authority (SEDA) di bawah FiT, sebanyak 566 MW telah disambung ke grid dan antaranya hampir 70 peratus (iaitu 380MW) ialah daripada projek solar.
3. Walau bagaimanapun, bermula pada tahun 2017, kuota bagi solar tidak lagi ditawarkan di bawah mekanisme FiT.

NO. SOALAN : 4

4. Ini adalah kerana teknologi solar menjadi semakin matang dengan kos menjadi semakin kompetitif, harga panel PV telah jatuh 80% sejak 2009.
5. Penjanaan elektrik solar sedang menuju ke arah *grid-parity* – di mana kos per kwj elektrik solar yang dikira dengan prinsip *levelized cost of energy* (LCOE) adalah sama dengan kos per kwj elektrik daripada bahan api konvensional – batu arang dan gas.
6. Dengan erti kata lain, solar mempunyai potensi untuk menjadi sumber elektrik alternatif yang kompetitif berbanding dengan sumber konvensional.
7. Untuk menggalakkan penggunaan solar yang lebih meluas di Malaysia, dengan sukacitanya saya ingin memaklumkan Dewan yang mulia ini 2 dasar baharu solar yang telah saya umumkan pada 18hb Oktober 2018.
8. Pertama, Kerajaan akan memperbaiki dan memperluaskan Program Supply Agreement for Renewable Energy (SARE), di mana syarikat pembekal solar boleh menawarkan *solar leasing*.
9. Dengan dasar ini, pengguna boleh menikmati *zero upfront cost*, iaitu tidak perlu bayar apa-apa untuk pemasangan PV dan bayaran sewaan bulanan ataupun penggunaan tenaga solar kepada syarikat pembekal solar boleh dibuat melalui bil TNB.
10. *Business model* adalah seperti apabila kita beli *handphone* tetapi sekarang ini adalah solar PV panel.
11. Bergantung kepada keluasan bumbung ataupun kawasan pemasangan, ada pengguna elektrik yang akan menikmati penurunan bil elektrik selepas pemasangan solar pv panel.
12. Dasar kedua yang telah saya umumkan untuk menggalakan solar ialah pembaikan Program *Net Energy Metering* atau NEM. Di bawah NEM, pengguna elektrik yang memasang panel solar di bumbung

NO. SOALAN : 4

untuk kegunaan sendiri mendapat rebat daripada TNB bagi tenaga elektrik yang dijana.

13. Tetapi sebelum ini, *take-up rate* adalah rendah - sehingga Oktober 2018, hanya terdapat permohonan untuk 17MW daripada kuota 500MW yang disediakan, iaitu 3% sahaja.
14. Ini adalah kerana sebelum ini pengguna menjual lebihan tenaga solar kepada TNB pada harga “displaced cost”, iaitu 31 sen per kwj, tetapi beli pada tariff sedia ada, yang kebanyakan kali adalah lebih daripada 50sen per kwj. Jual 31 sen per kwj tetapi beli lebih 50 sen per kwj. Ini menjadikan NEM tidak fisibel untuk kebanyakan pengguna – domestik, komersial ataupun industri.
15. Kementerian ini telah mengkaji semula dasar lama NEM dan membuat keputusan bahawa bermula 1 Januari 2019, tiada lagi perbezaan harga jual dan beli elektrik. Pengiraan bil kepada TNB akan berdasarkan *one-on-one* di mana bil adalah bersamaan dengan penggunaan bersih, iaitu penggunaan tolak penjanaan darab dengan tariff.
16. *Before this, bill is equal to consumption x tariff - generation x displaced cost. Now it is (consumption – generation) x tariff.* Dengan izin.
17. Polisi baharu ini akan menjadi NEM lebih fisibel dari segi ringgit dan sen untuk pengguna elektrik.
18. Dengan dua dasar baharu ini, Kerajaan berharap dapat memangkin perkembangan solar elektrik di Malaysia yang bukan sahaja mencapai agenda hijau tetapi juga menjimatkan bil elektrik untuk rakyat Malaysia.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB. TUAN LARRY SOON @ LARRY SNG
WEI SHIEN [JULAU]**

TARIKH : 22 OKTOBER 2018

SOALAN :

Minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan berapakah jumlah pelaburan Kerajaan dalam MyCEB dan apakah pulangan pelaburan berbanding dengan biro-biro konvensyen lain di Malaysia.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Malaysia Convention & Exhibition Bureau (MyCEB) adalah sebuah agensi di bawah Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya berstatus syarikat dengan jaminan kerajaan, tidak bermotifkan keuntungan dan beroperasi dengan peruntukan kerajaan sepenuhnya. MyCEB bertanggungjawab untuk mempromosi serta memasarkan Malaysia sebagai destinasi penganjuran acara perniagaan Mesyuarat, Kumpulan Insentif, Konvensyen dan Pameran (MICE) atau dikenali juga sebagai Acara Perniagaan atau '*Business Events*'.

NO. SOALAN : 5

MyCEB telah menerima peruntukan Kerajaan keseluruhan berjumlah RM213.5 juta bermula dari tahun 2011 sehingga 2018 bagi melaksanakan program pembidaan dan penganjuran acara perniagaan atau '*Business Events*' antarabangsa untuk dibawa masuk ke Malaysia selain program promosi dan pemasaran. Hasil daripada pelaburan ini, bagi tempoh 2011 sehingga 2017 sahaja, MyCEB telah berjaya membawa masuk 2,013 acara perniagaan antarabangsa dengan kehadiran seramai 943,156 orang delegasi antarabangsa, menghasilkan sebanyak RM6.2 bilion perbelanjaan pelancong serta memberikan impak ekonomi berjumlah RM11.5 bilion kepada negara.

Manakala, sehingga Julai 2018 pula, MyCEB telah berjaya membawa masuk 147 acara perniagaan antarabangsa dengan kehadiran seramai 83,229 delegasi antarabangsa dan bakal memberikan impak ekonomi berjumlah RM1.3 billion kepada negara.

Selain pulangan pelaburan dalam bentuk nilai ringgit, negara juga akan menerima kesan positif daripada kemasukan acara antarabangsa melalui pemindahan teknologi dan pengetahuan pakar-pakar serta penceramah antarabangsa kepada delegasi tempatan serta impak kejayaan penganjuran sesebuah acara perniagaan tersebut akan membina legasi selain membawa imej positif kepada negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TAN SRI NOH BIN OMAR
[TANJONG KARANG]
TARIKH : 22 OKTOBER 2018 (ISNIN)

SOALAN NO. 6

Y.B. TAN SRI NOH BIN OMAR [TANJONG KARANG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan perkembangan terkini perbincangan Kerajaan dengan Kerajaan China berkenaan projek ECRL dan berapa kos keseluruhan yang telah dibelanjakan oleh pemaju projek.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat,

Saya ingin menjawab soalan ini bersekali dengan soalan-soalan daripada:

- 1) YB Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu] yang dijadualkan pada 29 Oktober 2018; dan
- 2) YB Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli [Dungun] yang dijadualkan pada 6 Disember 2018.

Buat masa ini, kerajaan masih belum memuktamadkan hala tuju Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL); sama ada untuk meneruskan projek ini atau tidak adalah tertakluk kepada hasil rundingan yang sedang dijalankan. Kerajaan negeri Selangor telah menentang projek ECRL kerana rangkaian keretapi daripada Gombak ke Pelabuhan Klang akan menjejaskan permohonan Tapak Warisan Sedunia UNESCO. Bantahan Kerajaan Negeri Selangor ini adalah berdasarkan prinsip permohonan mereka untuk mendapatkan status Tapak Warisan Dunia UNESCO bagi Klang Gates Quartz Ridge sepanjang 16km, yang merupakan permatang kuartza yang terpanjang di dunia. Penyiapan landasan sambungan ECRL dari Gombak ke Pelabuhan Klang ini tentu akan menggagalkan usaha Kerajaan Negeri Selangor untuk menyenaraikan kawasan ini sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO.

Kerajaan telah mengarahkan Malaysia Rail Link Sdn Bhd (MRL), syarikat khusus di bawah milik penuh Menteri Kewangan Diperbadankan mengeluarkan notis penggantungan (*suspension notice*) kerja serta-merta pada 3hb Julai 2018 kepada kontraktor utama iaitu China Communications Construction Company (CCCC). Oleh yang demikian, semua kerja-kerja dan perkhidmatan berkaitan projek ECRL telah digantung sehingga notis selanjutnya dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua,

NO SOALAN : 6

Kerajaan Barisan Nasional telah mengumumkan kos sebanyak RM55 billion. Walaubagaimanapun, jumlah **Kos Projek ECRL** yang sebenar adalah sebanyak **RM80.92 billion**. Kos ini terdiri daripada **Kos Pembangunan sebanyak RM69.83 bilion** dan **Kos Pembiayaan sebanyak RM11.09 bilion**.

Sehingga kini, pihak MRL selaku pemaju projek ECRL telah membayar CCCC sejumlah RM19.68 bilion. Jumlah tersebut terdiri daripada:

- i. bayaran pendahuluan sebanyak RM10.02 bilion yang bersandarkan "*Advance Payment Bond*"; dan
- ii. bayaran kemajuan projek sebanyak RM9.67 bilion bagi kerja-kerja kemajuan projek setakat 15 Febuari 2018.
- iii. Perlu dinyatakan bahawa, bon bayaran pendahuluan RM10.02 bilion ini boleh ditebus oleh MRL sekiranya projek ini dihentikan. Dalam erti kata lain, sekiranya berlaku senario terburuk maka Kerajaan Persekutuan boleh mendapatkan semula RM10.02 bilion daripada RM19.68 bilion yang telah dibayar.

Tuan Yang di-Pertua,

Berkenaan rundingan di antara wakil kerajaan Malaysia dan wakil kerajaan China, empat sesi perundingan telah diadakan sejak bulan Julai 2018, bagi membincangkan hala tuju Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL). Di samping itu, Pengerusi Majlis Penasihat Negara (CEP) Tun Daim Zainuddin, juga telah membantu dalam rundingan tersebut.

Senarai agensi yang mewakili Kerajaan Malaysia adalah:

1. Jabatan Peguam Negara (AGC)
2. Majlis Penasihat Negara (CEP)
3. Kementerian Kewangan (MOF)
4. Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA)

5. Kementerian Pengangkutan (MOT)
6. Kementerian Luar (MOFA)
7. Malaysia Rail Link Sdn Bhd (MRL)

Senarai agensi yang mewakili Kerajaan China pula adalah:

1. Department of Foreign Capital and Overseas Investment (NDRC)
2. Bureau of Property Management, State-Owned Assets Supervision and Administration Commission of the State Council (SASAC)
3. China Communications Construction Company Limited (CCCC)
4. The Export-Import Bank of China (CEB)
5. Embassy of People's Republic of China in Malaysia

Lanjutan daripada itu, pihak MRL dan CCCC juga telah mengadakan beberapa sesi rundingan teknikal di antara syarikat sejak bulan Julai sehingga Oktober 2018 bagi memperhalusi cadangan dan langkah-langkah untuk mengurangkan kos perbelanjaan bagi menyiapkan Projek ECRL.

Walaupun bagaimanapun sehingga kini, pihak MRL dan CCCC masih belum mencapai persetujuan bagi cadangan pengurangan kos perbelanjaan Projek ECRL. Namun begitu, segala butiran perundingan masih perlu dirahsiakan sehingga rundingan selesai dan persetujuan dicapai oleh kedua-dua pihak.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN BAGI DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DR. HASAN BIN BAHROM [TAMPIN]
TARIKH : 22 Oktober 2018
SOALAN :

Minta **MENTERI INDUSTRI UTAMA** menyatakan alternatif bagi meningkatkan ekonomi masyarakat kampung di saat harga penanaman komoditi sawit dan getah yang kurang memberangsangkan khususnya warga FELDA dan orang kampung.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sedang melaksanakan beberapa program dan inisiatif yang memberi fokus kepada pekebun kecil sawit dan getah untuk meningkatkan ekonomi mereka seperti berikut:

- (1) Sektor sawit:
 - a) menyediakan Skim Insentif Tanam Semula Sawit Pekebun Kecil (TSSPK) dan Tanam Baharu Sawit Pekebun Kecil (TBSPK) yang meliputi pemberian anak benih sawit, penyediaan kawasan, baja dan racun rumpai dan perosak. Nilai bantuan adalah tidak melebihi RM9,000 per hektar bagi pekebun kecil di Sabah dan Sarawak dan RM7,500 per hektar bagi pekebun kecil di Semenanjung. Melalui bantuan ini, purata hasil sawit pekebun

NO. SOALAN: 7

kecil dijangka akan meningkat daripada 15 t/ha/tahun kepada 22 t/ha/tahun pada tahun 2020;

- b) menyediakan Skim Bantuan Pembelian Jentera dan Alatan (OPIMIS) sehingga 20% daripada harga jentera untuk membantu meningkatkan produktiviti pekebun kecil seterusnya membantu meningkatkan pengeluaran hasil sawit; dan
- c) memberikan insentif sebanyak RM3,000 hingga RM11,000 per hektar dalam bentuk input pertanian bagi integrasi tanaman dan penyediaan induk ternakan lembu atau kambing bagi membantu pekebun kecil menjalankan integrasi tanaman dan integrasi ternakan dengan sawit. Ini dapat membantu menjana pendapatan tambahan kepada pekebun kecil ketika sawit di peringkat pra-matang.

Tuan Yang di-Pertua,

(2) Sektor getah:

- a) memperuntukkan RM12 juta pada tahun ini bagi melaksanakan program menggalakkan pengeluaran lateks tempatan. Peruntukan ini akan digunakan untuk memperkukuhkan infrastruktur kutipan lateks. Penglibatan pekebun kecil dalam pengeluaran lateks akan dapat meningkatkan pendapatan mereka memandangkan harga lateks adalah lebih tinggi berbanding *cuplump*. Di samping itu, program ini juga dijangka dapat menampung permintaan lateks dalam negara dan mengurangkan pengimportan lateks bagi industri sarung tangan.

Sekian terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI IKMAL HISHAM BIN ABDUL AZIZ
[TANAH MERAH]**

TARIKH : 22 OKTOBER 2018 (ISNIN)

SOALAN NO. 8

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan setakat ini berapa ramai daripada 14,000 orang yang disyaki pemegang 'lesen terbang' telah menyerah diri dan daripada jumlah kira-kira 14,000 orang itu berapa ramai warga asing.

JAWAPAN

Yang Dipertua,

1. Sehingga 08 Oktober 2018, seramai 50 orang pemegang lesen tidak sah ataupun 'lesen terbang' telah menyerah balik lesen fizikal mereka kepada pihak berkuasa. Daripada jumlah tersebut, 25 orang merupakan bukan warganegara manakala 25 orang lagi merupakan warganegara Malaysia.
2. Sepertimana yang telah diumumkan oleh Kementerian Pengangkutan terdahulu, kes salah laku 'lesen terbang' ini sedang disiasat oleh pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan beberapa penangkapan telah dibuat pada bulan yang lalu. Kami dimaklumkan bahawa siasatan SPRM antara lain memberi fokus kepada prosedur dan pihak-pihak yang terlibat dalam kes permohonan pertukaran

SOALAN NO. 8

lesen memandu iaitu *convert* lesen memandu negara asing kepada lesen memandu Malaysia.

3. Di pihak JPJ dan Kementerian Pengangkutan pula, siasatan dalaman untuk mengenal pasti jumlah bilangan 'lesen terbang' ataupun lesen palsu ataupun lesen tidak sah masih berjalan. Ia adalah rumit dan memerlukan masa. Justeru, jumlah bilangan kes 'lesen terbang' dan pecahan mengikut kewarganegaraan masih belum dapat dimuktamadkan.

Yang Dipertua,

4. Untuk makluman Dewan, dari tahun 2013 sehingga Oktober 2018 (terkini), jumlah bilangan permohonan pertukaran lesen memandu oleh seseorang pemegang lesen memandu negara asing kepada lesen memandu Malaysia adalah sebanyak 80,629.
5. Pecahan angka mengikut tahun dan negeri adalah seperti yang dilampirkan. Secara umumnya, sejak tahun 2014 permohonan pertukaran lesen setiap tahun adalah antara 10,000 hingga 22,000.

Yang Dipertua,

6. Sebagai latar belakang, negara kita merupakan negara penjanji kepada **1949 UN Convention on Road Traffic (Konvensyen 1949)** yang ditubuhkan agar dapat mewujudkan peraturan pengangkutan jalan dan lalulintas yang standard dan *uniform* di kalangan semua negara penjanji bagi memudahkan perhubungan serta meningkatkan aspek keselamatan jalan raya.
7. Selain itu, Malaysia juga telah menandatangani perjanjian bagi mengiktiraf lesen memandu yang dikeluarkan oleh negara ASEAN iaitu *1985 Agreement on the Recognition of Domestic Driving Licenses Issued by ASEAN Countries (ASEAN 1985)*.

SOALAN NO. 8

8. Berdasarkan kepada Konvensyen 1949 dan ASEAN 1985 tersebut, Malaysia telah menguatkuasakan pengiktirafan ke atas lesen memandu yang dikeluarkan oleh negara-negara penjanji kedua-dua perjanjian tersebut di dalam undang-undang negara ini iaitu di bawah peruntukan **Seksyen 28 Akta Pengangkutan Jalan Raya 1987**.
9. Dalam hal yang berkaitan, pada tahun 1995, Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) telah menguatkuasakan arahan dalaman yang menetapkan kaedah pertukaran ke lesen memandu Malaysia bagi semua negara yang merupakan penjanji kepada Konvensyen 1949 dan mana-mana negara yang mempunyai perjanjian dua hala dengan Malaysia.
10. Walau bagaimanapun, susulan daripada siasatan SPRM terhadap peristiwa 'lesen terbang', semua proses permohonan pertukaran lesen memandu luar negara kecuali bagi pemegang pas diplomatik dan lesen negara Singapura (bagi warganegara Malaysia yang pernah menukar lesen memandu Malaysia untuk mendapatkan lesen memandu Singapura sahaja) telah digantung serta-merta bermula pada **24 September 2018**.
11. Di samping itu, JPJ telah menubuhkan Jawatankuasa Khas Siasatan Dalaman (JKSD) untuk memantau dan mencadangkan langkah penambahbaikan bagi membendung kes-kes pengeluaran lesen memandu yang tidak sah (lesen terbang) daripada berlaku lagi.
12. Pihak Kementerian akan membuat kajian yang menyeluruh berkenaan dengan hala tuju dasar dalam isu pengiktirafan lesen memandu negara asing selaras dengan perjanjian-perjanjian antarabangsa dan undang-undang Malaysia. Kesilapan dan ketirisan yang berlaku semasa pentadbiran terdahulu akan diberhentikan. Sasaran Kerjaan Pakatan Harapan adalah untuk memsatkan setiap pemegang lesen memandu Malaysia adalah betul-betul layak dan menjadi pemandu yang berhemah dan mengutamakan keselamatan jalan raya.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN

MESYUARAT KEDUA, DEWAN RAKYAT

PENGGAL PERTAMA, PARLIMEN KEEMPAT BELAS

MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO
[BATU KAWAN]**

TARIKH : 22 OKTOBER 2018 (ISNIN)

SOALAN :

Puan Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan bilangan kes bayi yang dibuang dari tahun 2010 sehingga September 2018 mengikut pecahan negeri dan apakah rancangan pihak Kementerian untuk memberikan status kewarganegaraan kepada bayi ini serta apakah usaha realistik Kementerian untuk memerangi masalah ini.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN

MESYUARAT KEDUA, DEWAN RAKYAT

PENGGAL PERTAMA, PARLIMEN KEEMPAT BELAS

MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN

[SELAYANG]

TARIKH : 30 OKTOBER 2018 (SELASA)

SOALAN:

Tuan William Leong Jee Keen [Selayang] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan jumlah kes remaja mengandung dan bayi terbiar selama 5 tahun yang lalu dan langkah-langkah yang diambil untuk menangani masalah ini.

**JAWAPAN: YAB DATO' SERI DR. WAN AZIZAH DR. WAN ISMAIL,
TIMBALAN PERDANA MENTERI MERANGKAP
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN
MASYARAKAT**

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mohon izin untuk menjawab pertanyaan **YB Batu Kawan** bertarikh 22 Oktober 2018 bersekali dengan pertanyaan **YB Selayang** pada 30 Oktober 2018 kerana pertanyaan-pertanyaan tersebut saling berkait.

Berdasarkan statistik PDRM, bilangan kes bayi yang dibuang dari tahun 2010 hingga Ogos 2018 adalah berjumlah **911** bayi mengikut pecahan negeri seperti berikut:-

- Perlis : 13 kes;
- Kedah : 56 kes;
- Pulau Pinang : 46 kes;
- Perak : 58 kes;
- Selangor : 215 kes;
- Kuala Lumpur : 83 kes;

- Negeri Sembilan : 43 kes;
- Melaka : 20 kes;
- Johor : 104 kes;
- Pahang : 40 kes
- Terengganu : 23 kes
- Kelantan : 37 kes
- Sabah ; 113 kes
- Sarawak : 60 kes

Daripada 911 kes ini, hanya **326 (35.8%)** bayi yang ditemui hidup manakala **585 (64.2%)** tidak bernyawa. Daripada statistik ini, kementerian tidak mempunyai maklumat sama ada semua kes pembuangan bayi ini dilakukan oleh remaja atau tidak.

Kes pembuangan bayi yang diselamatkan oleh JKM akan melalui perintah mahkamah untuk program anak pelihara. Selalunya 80% kes pembuangan bayi yang dikendalikan oleh JKM berjaya diberikan penempatan keluarga melalui proses pepadanan dalam mesyuarat panel anak pelihara yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah JKM lebih kurang 4 kali setahun.

Kementerian juga, membantu menguruskan pendaftaran lewat kelahiran bayi dan menyelaraskan dokumentasi bagi permohonan kewarganegaraan dengan pihak JPN.

Tuan Yang di-Pertua,

Berkaitan jumlah kes remaja mengandung pula, berdasarkan statistik yang diterima dari Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), dari tahun 2012 hingga tahun 2016, sebanyak **79,302** kes remaja perempuan hamil bawah 18 tahun telah dilaporkan. Secara puratanya sebanyak 4,000 kes setahun.

Kajian Penduduk dan Keluarga Malaysia 5 yang dijalankan oleh LPPKN pada tahun 2015 turut mendapati pengetahuan mengenai aspek seksualiti dan kesihatan reproduktif masih lagi rendah dalam kalangan remaja di Malaysia. Berdasarkan kajian *National Health dan Morbidity Survey 2017* oleh KKM, dalam kalangan remaja pernah mengadakan hubungan seks, hanya 10 peratus menyatakan pernah menggunakan kaedah kontraseptif bagi mencegah kehamilan.

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi membendung isu ini, Kementerian menerusi LPPKN dan JKM menjalankan pelbagai program pencegahan, intervensi dan pemulihan seperti:

- (i) Program PEKERTI yang impaknya seramai **779,895** peserta dan mulai tahun depan, LPPKN akan bekerjasama dengan pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) untuk melaksanakan program PEKERTI di kawasan yang banyak berlaku kejadian pembuangan bayi pada tahun hadapan dengan izin *mapping* dan *strategic intervention*;
- (ii) Program PEKA;
- (iii) Menyediakan Rumah Perlindungan kepada kanak-kanak dan wanita yang hamil luar nikah. Rumah ini melayani hanya *walk-in* sahaja dan proses dokumen kemudian);
- (iv) Menyediakan **65** buah institusi kebajikan, **105** buah Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah, **49** buah Klinik Nur Sejahtera (LPPKN) dan **149** buah Pusat Aktiviti Kanak-Kanak; dan

- (v) Kementerian juga menyokong usaha NGO untuk membantu menyelamatkan bayi terbiar seperti perkhidmatan perlindungan NGO *OrphanCare* yang mempunyai 3 rumah perlindungan bayi di Petaling Jaya, Sungai Petani dan Johor Bahru.

Kesimpulannya, dalam kes pembuangan bayi Kementerian ini berpendirian bahawa fokus utama adalah keselamatan, kesihatan, kebajikan bayi dan ibunya. Adalah menjadi tanggungjawab semua pihak termasuk ibu bapa, sekolah, komuniti, institusi keagamaan, media, pihak berkuasa Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan untuk memastikan keselamatan dan perlindungan bayi dan ibunya,

Selain daripada program sedia ada, Kementerian akan memperkasa pendekatan sedia ada melalui inisiatif relevan yang mendekati golongan remaja melalui media sosial yang lebih selesa untuk mereka mendapatkan maklumat bimbingan dan nasihat. Apabila kita bercakap dengan NGO, mereka banyak mendapat soalan daripada media sosial kerana ia membolehkan remaja bertanyakan soalan tanpa memberikan maklumat

mengenai diri mereka sendiri untuk mendapatkan maklumat bimbingan daripada media sosial.

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : DATO' HAJI JALALUDDIN BIN HAJI ALIAS [JELEBU]

TARIKH : 22 OKTOBER 2018 (ISNIN)

SOALAN : 10

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan adakah pihak Kementerian bercadang untuk mengkaji semula elaun yang diberikan kepada guru dan pembantu di Tabika KEMAS.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, perjawatan guru-guru KEMAS adalah bersandarkan kepada Skim Perkhidmatan yang berkuatkuasa iaitu Penolong Pegawai Pembangunan Masyarakat Gred S29 dengan gelaran Pemaju Masyarakat Tabika/Taska. Jawatan ini berstatus kontrak (Contract of Service) dan boleh disambung mengikut syarat yang ditetapkan sehingga bersara wajib pada umur 60 tahun.

Mereka yang berkhidmat dalam skim Perkhidmatan ini menerima gaji, elaun dan pelbagai kemudahan mengikut perjanjian yang telah ditandatangani. Secara anggaran, pendapatan kasar seorang guru KEMAS yang baru dilantik ialah RM2,530.95 dan boleh diberi pergerakan gaji tahunan sebanyak RM145.00 setiap tahun mengikut prestasi kerja.

Bagi mereka yang telah berkhidmat sekurang-kurangnya 15 tahun (lantikan sebelum atau pada 23 Oktober 2015) boleh dilantik secara tetap mulai 1 Julai 2016.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, Pembantu Pemaju Masyarakat Sukarela (PPMS) Tabika/Taska KEMAS ialah individu dikalangan suri rumah/wanita tempatan yang diambil oleh Jawatankuasa Aktiviti Taman Bimbingan Kanak-Kanak (TABIKA) dan Taman Asuhan Kanak-Kanak (TASKA) Permata dibawah Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS).

Pengambilan PPMS adalah secara sukarela, tidak termasuk dalam kategori pegawai awam yang mana tugas utama mereka ialah membantu menyediakan makanan dan minuman kanak-kanak, membantu menjaga kebersihan dan keselamatan kanak-kanak serta membantu menguruskan kanak-kanak di TABIKA dan TASKA Permata KEMAS.

No Soalan : 10

Tempoh masa bertugas PPMS tidak tertakluk kepada waktu pejabat iaitu 8 jam sehari, tetapi waktu mula bertugas hendaklah sama dengan waktu bertugas Pemaju Masyarakat Tabika / Taska dan dibenarkan pulang pada bila-bila masa selepas selesai melaksanakan tugas yang ditetapkan.

Kadar bayaran Elaun Saguhati kepada PPMS adalah sebanyak RM400 sebulan berkuatkuasa pada 1 April 2011. Walau bagaimanapun, mulai 1 Januari 2017, bayaran tersebut telah dinaikkan kepada RM500 sebulan.

Walaupun bagaimanapun, Kementerian mengambil maklum dengan saranan daripada Yang Berhormat ini dan akan mengkaji kesesuaian untuk menaikkan elaun saguhati PPMS dari semasa ke semasa tertakluk kepada kedudukan kewangan Kerajaan.

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN JONATHAN YASIN
[RANAU]**

TARIKH : 22 OKTOBER 2018 (ISNIN)

SOALAN : 11

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan Ranau sering berhadapan dengan masalah gangguan bekalan serta kualiti air dan tenaga elektrik, yang mana ini bukan sahaja menjejaskan masyarakat perniagaan tetapi kehidupan harian penduduk di daerah berkenaan. Apakah perancangan atau projek Kerajaan Persekutuan untuk membantu Ranau menangani masalah ini dan jika ada, berapakah peruntukan yang disediakan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, gangguan bekalan serta kualiti air dan tenaga elektrik adalah di bawah tanggungjawab Jabatan Air Negeri Sabah (JANS) dan Sabah Electricity Sdn. Bhd. (SESB) selaku operator yang bertanggungjawab bagi pengoperasian dan penyelenggaraan di Negeri Sabah.

Kementerian ini melaksanakan projek mengambil kira permohonan dan senarai keutamaan daripada Kerajaan Negeri Sabah melalui Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Sabah dengan kerjasama daripada Kementerian Pembangunan Infrastruktur (KPI) Sabah, Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) Sabah, Pejabat Daerah, JANS dan SESB. Permohonan ini juga tertakluk kepada peruntukan yang diluluskan oleh Unit Perancang Ekonomi (EPU) dan kedudukan semasa kewangan Kerajaan.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, bagi menambah baik liputan bekalan air terawat di Sabah, Kementerian ini di bawah program Bekalan Air Luar Bandar (BALB) Negeri Sabah RMKe-11 telah memperuntukkan sebanyak RM49 juta bagi melaksanakan dua (2) buah projek BALB di Parlimen Ranau iaitu:

- i. Projek Bekalan Air Mukim Bundu Tuhan, Ranau, Sabah dengan anggaran kos RM35 juta yang memberi manfaat kepada lebih kurang 905 buah rumah; dan
- ii. Projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) Sistem Retikulasi Tahun 2018/2019 Negeri Sabah – Bahagian Ranau dengan anggaran kos RM 14 juta yang memberi manfaat kepada lebih kurang 916 buah rumah.

Kedua-dua projek ini di dalam peringkat lantikan perunding dan dijangka selesai pada suku pertama tahun 2019 dan dijangka tender pada suku keempat tahun 2019.

Manakala di bawah program Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB) pula, Kementerian sedang melaksanakan satu projek berimpak tinggi di Parlimen Ranau iaitu Projek Talian Penghantaran 132kV dari Kota Belud ke Ranau dengan kos keseluruhan bernilai RM150 juta. Sebanyak 1,874 buah rumah bakal menerima manfaat daripada projek ini dengan sambungan bekalan elektrik 24 jam sehari dan seterusnya mengatasi masalah gangguan bekalan elektrik di kawasan Ranau.

Kementerian sentiasa terbuka untuk menerima cadangan daripada Yang Berhormat mengenai projek-projek infrastruktur luar bandar yang diperlukan di kawasan Ranau. Namun, kelulusan projek-projek tersebut adalah tertakluk kepada senarai keutamaan Kerajaan Negeri Sabah dan juga peruntukan yang diluluskan oleh Unit Perancang Ekonomi (EPU) dan kedudukan semasa kewangan Kerajaan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB Datin Mastura binti Mohd Yazid
[Kuala Kangsar]**

TARIKH : 22 Oktober 2018 (Isnin)

SOALAN : 12

Datin Mastura binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk menjadikan proses mediasi (*mediation*) sebagai prosedur wajib di dalam semua kes-kes litigasi.

**JAWAPAN: YB DATUK LIEW VIU KEONG,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Aturan 34 kaedah 2 Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 [*P.U. (A) 205/2012*] memperuntukkan seperti berikut:

“Pengurusan kes sebelum bicara apabila diarahkan oleh Mahkamah (A.34,k.2)

2.(1)

(2) Semasa pengurusan kes sebelum bicara, Mahkamah boleh mempertimbangkan apa-apa perkara termasuklah kemungkinan penyelesaian bagi semua atau mana-mana isu dalam tindakan atau prosiding itu dan menghendaki pihak-pihak memberikan maklumat sedemikian kepada Mahkamah sebagaimana yang difikirkannya patut, dan perintah dan arahan yang sesuai yang patut dibuat untuk menjamin penyelesaian tindakan atau prosiding itu dengan adil, cepat dan ekonomi, termasuk—

(a) pengantaraan mengikut mana-mana arahan amalan yang dikeluarkan pada masa itu;

(b)

.....”

2. Perenggan (a) Aturan 34 kaedah 2(2) memberi kuasa kepada Mahkamah semasa pengurusan kes sebelum bicara untuk mengarahkan pihak-pihak untuk menjalani proses pengantaraan (mediasi) sekiranya Mahkamah berpendapat bahawa mana-mana tindakan atau isu yang berbangkit tersebut boleh diselesaikan dengan cepat, ekonomi dan adil.

3. Walau bagaimanapun, peruntukan di atas hanya memberikan kuasa budi bicara kepada Mahkamah untuk menentukan sama ada mediasi perlu dijalankan ke atas sesuatu kes atau tidak. Ini bermakna, proses mediasi bukanlah satu tatacara wajib bagi kes-kes yang difaikan di Mahkamah.

4. Selaras dengan kehendak perenggan (a) Aturan 34 kaedah 2(2), dua arahan amalan berkenaan mediasi telah dikeluarkan oleh Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia (PKPMP) iaitu Arahan Amalan Bil. 2 Tahun 2013-Proses Mediasi Bagi Kes-Kes Kemalangan Jalan Raya di Mahkamah Majistret dan di Mahkamah Sesyen dan Arahan Amalan Bil. 4 Tahun 2016-Practice Direction On Mediation.

5. Pada masa ini, proses mediasi di Mahkamah seluruh Malaysia dijalankan atas dasar sukarela (*voluntary basis*). Namun begitu, statistik menunjukkan bahawa peratusan kes yang diselesaikan melalui proses mediasi agak membanggakan. Peratus penyelesaian di peringkat nasional adalah 57.63% berjaya setakat bulan September 2018.

6. Selain proses mediasi ini cepat dan ekonomi, ia merupakan suatu tindakan penyelesaian melalui rundingan dengan cara damai sekaligus memuaskan hati semua pihak kerana keputusan yang dibuat adalah hasil persetujuan kedua-dua pihak.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN SIVAKUMAR VARATHARAJU NAIDU
[BATU GAJAH]
TARIKH : 22 OKTOBER 2018 (ISNIN)

SOALAN NO. 13

Minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan agensi penguatkuasa yang manakah ditugaskan untuk memantau atau mengambil tindakan terhadap pesalah di bawah Akta Eksais 1976 dan di bawah Peraturan-Peraturan Makanan 1985 (Pindaan 2016), selain daripada Penguatkuasa Kastam dan Penguatkuasa Kesihatan. Jika tidak, sila nyatakan kenapakah Kementerian tidak menurunkan kuasa kepada Pihak Berkuasa Tempatan.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Akta Eksais 1976 adalah di bawah bidang kuasa Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Kementerian Kewangan.

Pelesen-pelesen yang dilesenkan di bawah Seksyen 20, Akta Eksais 1976 dan mengilang barang keluaran siapnya adalah liquor yang memabukkan tertakluk kepada Peraturan 16, Peraturan-Peraturan Eksais iaitu liquor mestilah bebas dari apa-apa benda yang merbahaya.

NO SOALAN: 13

Syarat tambahan pelesen juga ada dikenakan ke atas pelabelan produk barangan siap keluaran pelesen yang mesti mematuhi keperluan JKDM. JKDM akan memastikan keperluan label itu selari dengan rujukan klasifikasi Kod Tariff Kastam.

Pelesen jualan liquor yang memabukkan adalah tertakluk kepada Lembaga Pelesenan seperti yang diperuntukan di bawah Seksyen 31 (1) Akta Eksais 1976 di mana Menteri Kewangan boleh menubuhkan Lembaga-Lembaga Pelesenan untuk kawasan-kawasan dalam Malaysia yang difikirkannya patut.

Yang di-Pertua,

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) adalah bertanggungjawab untuk menguatkuasakan Peraturan-Peraturan Makanan (Pindaan) 2016 berkaitan Standard Am Minuman Beralkohol dan Peraturan 386A berkaitan Sebatian Minuman Keras atau *Compounded Hard Liquor* (CHL).

Di bawah Seksyen 2: Tafsiran Akta Makanan 1983, pegawai berkuasa adalah mana-mana pegawai kesihatan perubatan atau mana-mana penolong pegawai kesihatan persekitaran dari Kementerian Kesihatan atau dari mana-mana pihak berkuasa tempatan, atau mana-mana orang yang berkeelayakan yang sesuai, yang dilantik oleh Menteri Kesihatan menjadi seorang pegawai diberi kuasa.

Dalam hal ini, di bawah Seksyen 4, Akta Makanan 1983 juga menjelaskan kuasa pegawai berkuasa tersebut termasuk:

- i. Memasuki dan menjalankan pemeriksaan ke atas premis makanan;
- ii. Menahan dan memeriksa mana-mana kenderaan yang disyaki membawa makanan;
- iii. Menyita makanan yang dipercayai melanggar peruntukan Akta ini;
- iv. Melak mana-mana makanan yang disyaki melanggar peruntukan Akta ini;

NO SOALAN: 13

- v. Menangkap tanpa waran mana-mana orang yang dipercayai melanggar peruntukan Akta ini; dan
- vi. Mengarahkan pelupusan makanan yang telah disita dengan syarat mendapat persetujuan pemilik makanan tersebut

Yang di-Pertua,

Penurunan kuasa kepada anggota di Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) telah diberikan secara berperingkat berdasarkan permohonan yang diterima oleh KKM.

Buat masa ini anggota-anggota di beberapa PBT seperti Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Majlis Bandaraya Ipoh, Majlis Bandaraya Alor Setar dan sebagainya telah diturunkan kuasa di bawah Akta Makanan 1983 dan peraturan-peraturan di bawahnya. Sehingga Oktober 2018, seramai 303 orang Pegawai Perubatan, Pegawai Kesihatan Persekitaran dan Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran di PBT telah diturunkan kuasa.

Namun kebanyakan PBT menghadapi kekangan sumber manusia bagi menjalankan aktiviti penguatkuasaan di bawah perundangan berkaitan kerana:

- i. Hanya 13 PBT menjalankan premeriksaan premis makanan di seluruh kawasan pentadbiran PBT;
- ii. 114 PBT menjalankan premeriksaan premis makanan di sebahagian kawasan pentadbiran PBT manakala KKM membantu untuk menjalankan aktiviti tersebut di kawasan yang tidak dijalankan pemeriksaan oleh PBT;
- iii. Sementara 28 PBT lagi, aktiviti pemeriksaan premis makanan dijalankan sepenuhnya oleh KKM.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS,
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' HAJI MOHD FASIAH BIN HAJI MOHD FAKEH [SABAK BERNAM]

TARIKH : 22 OKTOBER 2018

SOALAN : 14

Dato' Haji Mohd Fasih bin Haji Mohd Fakeh [Sabak Bernam] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilangan pesara kerajaan termasuk Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan Polis DiRaja Malaysia (PDRM) dan nyatakan jumlah pencen yang terpaksa ditanggung Kerajaan setiap tahun serta nyatakan setakat manakah Kerajaan telah meneliti untuk memberhentikan pembayaran pencen untuk semua penjawat awam

JAWAPAN: YB DATUK LIEW VUI KEONG

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah pesara dan penerima pencen terbitan bagi tempoh 1 Januari 2013 hingga 31 Ogos 2018 berserta tanggungan Kerajaan adalah seperti berikut:

Tahun	Jumlah Penerima Pencen			Jumlah Perbelanjaan
	Pesara**	Pencen Terbitan	Jumlah	
2013	507,466	176,414	683,880	RM13.13bil.
2014	529,772	184,663	714,435	RM16.34bil.
2015	551,226	191,462	742,688	RM17.99bil.
2016	568,493	200,652	769,145	RM20.34bil.
2017	591,353	201,115	792,468	RM21.88bil.
2018*	605,505	206,075	811,580	RM16.12bil.

Berdasarkan Perkara 147 (1) Perlembagaan Persekutuan, hak pemberian pencen kepada penjawat awam adalah dilindungi. Ini bermakna, pemberhentian pembayaran pencen hanya dapat dilaksanakan sekiranya pindaan ke atas Perkara 147 Perlembagaan Persekutuan di buat.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL PERTAMA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : PUAN MARIA CHIN BINTI ABDULLAH
KAWASAN : PETALING JAYA
TARIKH : 22 OKTOBER 2018

SOALAN

Puan Maria Chin Binti Abdullah [Petaling Jaya] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan pendirian Kerajaan berkenaan *Comprehensive dan Progressive Agreement for Trans-Pacific Partnership* (CPTPP) serta sama ada perjanjian tersebut mempunyai implikasi yang buruk kepada harga ubat domestik dan hak Malaysia untuk menggunakan *compulsory licensing*.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan Malaysia masih memerlukan masa untuk meneliti Perjanjian ini dan memastikan sebarang keputusan yang diambil mengenai CPTPP akan memberi kebaikan kepada Malaysia secara keseluruhannya.

Tuan Yang Dipertua,

2. Bab Hak Harta Intelek dalam CPTPP adalah konsisten dengan undang-undang Malaysia mengenai perlindungan paten selama 20 tahun di samping obligasi Malaysia di bawah *World Trade Organisation (WTO) - Trade-Related Aspects of Intellectual Property Rights (TRIPS)*.

3. CPTPP juga mengekalkan hak Malaysia di bawah TRIPS mengenai penggunaan *compulsory license*. Tambahan pula, beberapa peruntukan asal TPPA mengenai hak harta intelek yang berkaitan dengan farmaseutikal digantung penerimapakaiannya di bawah CPTPP.

4. Perlu ditekankan bahawa harga ubat dipengaruhi faktor sedia ada lain seperti kos ujian klinikal, kos penyelidikan dan kos pemasaran, sistem perolehan dan pertukaran kadar mata wang.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN ARTHUR JOSEPH KURUP
[PENSIANGAN]**

TARIKH : 22 OKTOBER 2018 (ISNIN)

SOALAN NO. 16

TUAN ARTHUR JOSEPH KURUP minta **MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI** menyatakan berapakah peratusan terkini kadar pembekalan air bersih dan elektrik di seluruh negara termasuk di kawasan pedalaman, dan berapakah pula peratusan bagi negeri Sabah dan Sarawak.

SOALAN NO. 16

JAWAPAN

Tuan Yang di- Pertua,

1. Secara purata peratusan liputan bekalan air seluruh negara pada tahun 2017 sudah mencapai tahap 95.5%, iaitu 97.2% bagi kawasan bandar dan 94.1% di kawasan luar bandar. Secara detail, liputan air bersih di Semenanjung Malaysia adalah 96.7%, Sabah 99.8% dan Sarawak 99.8%. Sementara itu, liputan bekalan air di kawasan luar bandar bagi Sabah dan Sarawak ialah masing-masing 79.7% dan 81.2%.
2. Untuk makluman, bekalan elektrik adalah di bawah tanggungjawab Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC). Maklumat yang diperolehi daripada MESTECC adalah seperti berikut :-

Tahun	Kadar Liputan Bekalan Elektrik di Sabah (%)	Kadar Liputan Bekalan Elektrik di Semenanjung (%)
2014	94.06	99.83
2015	95.1	99.9
2016	96.0	99.92

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN SANISVARA NETHAJI RAYER A/L
RAJAJI [JELUTONG]**

TARIKH : 22 OKTOBER 2018 (ISNIN)

SOALAN NO.17

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sama ada Kerajaan sekarang masih lagi mengamalkan sistem kuota untuk kemasukan di institusi pengajian tinggi dan universiti tempatan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, institusi pendidikan tinggi di negara ini adalah terdiri daripada 20 buah universiti awam, 36 buah politeknik, 98 buah kolej komuniti dan 466 buah institusi pendidikan tinggi swasta. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) tidak mengurus kemasukan ke IPTS kerana IPTS berdaftar di bawah Akta IPTS (Akta 555) yang mana urusan kemasukan pelajar ke IPTS merupakan bidang kuasa Ketua Eksekutif IPTS-IPTS tersebut.

Pada masa yang sama, KPM kekal mengamalkan Prinsip Meritokrasi dengan mengguna pakai 90 peratus Markah Akademik dan 10 peratus Markah Kokurikulum dalam pemilihan kemasukan pelajar ke 20 buah UA. Daripada 20 buah UA ini, 18 buah UA tertakluk kepada Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) manakala 2 buah lagi UA iaitu Universiti Teknologi Mara (UiTM) tertakluk kepada Akta 173 serta Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) tertakluk kepada Akta Syarikat 1965.

Berdasarkan prinsip meritokrasi, semua calon yang layak dengan markah merit tertinggi tanpa mengira kaum, agama, negeri, taraf hidup dan tempat tinggal tidak dinafikan peluang untuk mengikuti pengajian di UA. Oleh yang demikian, kejayaan calon untuk memperoleh tempat bergantung kepada susunan merit dan pemilihan program pengajian di UA yang telah dipohon serta bilangan tempat yang disediakan oleh UA serta perlu lulus dalam saringan ujian temu duga yang dijalankan oleh UA tertakluk kepada kelulusan Senat. Ini adalah berdasarkan prinsip autonomi UA di mana pemilihan pelajar adalah di bawah bidang kuasa UA.

Namun begitu, bagi golongan B40, atlet sukan, Orang Asli dan OKU, KPM menawarkan laluan khas kepada golongan berkenaan bagi memastikan mereka tidak ketinggalan untuk menyambung pengajian ke peringkat lebih tinggi.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2018)
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN AWANG
[MARANG]**

TARIKH : 22 OKTOBER 2018 (ISNIN)

SOALAN:

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang [Marang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah tindakan Kerajaan dalam usaha membantu pusat tahfiz yang berdaftar dan tidak berdaftar dari sudut kewangan bagi memastikan jaminan keselesaan dan keselamatan para pelajar.

JAWAPAN : (YB DATUK SERI DR MUJAHID YUSOF,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Sebagaimana yang telah sedia maklum, pendidikan tahfiz adalah termasuk di dalam aspek hal ehwal Islam yang menjadi bidang kuasa pihak berkuasa agama negeri-negeri. Walau bagaimanapun, Kerajaan sentiasa memberi perhatian serius terhadap pembentukan modal insan yang berkualiti dan sentiasa membantu pihak kerajaan negeri dalam memperkasakan bidang

NO. SOALAN:18

pendidikan Islam khususnya termasuk pendidikan tahfiz. Oleh itu, Kerajaan Persekutuan bersama-sama pihak berkuasa agama negeri, pihak pengurusan institusi berkenaan serta agensi lain yang berkaitan seperti Jabatan Bomba dan Penyelamat, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) akan sentiasa bekerjasama dalam usaha untuk memastikan jaminan keselesaan dan keselamatan institusi tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat , pada tahun 2017, sebanyak RM30 juta telah diperuntukkan bagi penyelarasan Dasar Pendidikan Tahfiz Negara (DPTN) yang merupakan bantuan pendidikan kepada institusi tahfiz berdaftar. Bantuan tersebut merangkumi bantuan untuk penambahbaikan prasarana, aspek keselamatan dan kesihatan, insentif pendaftaran, bantuan peralatan kemahiran dan keperluan pengajaran dan pembelajaran tahfiz. Aspek keselesaan dan keselamatan juga diberi penekanan dalam Dasar Pendidikan Tahfiz Negara (DPTN) melalui teras ke empat iaitu memperkasa tadbir urus institusi tahfiz.

Di samping itu, Kerajaan juga memperuntukkan sebanyak RM30 juta melalui GiatMara sebagai agensi pelaksana untuk melaksanakan projek baik pulih dan senggaraan pendawaian untuk sekolah tahfiz tidak berdaftar yang berjumlah sebanyak 669 buah dan 510 buah maahad tahfiz telah dilaksanakan projek tersebut. Baki 159 buah tidak dapat dilaksanakan kerana menolak bantuan senggaraan, pendawaian elektrik masih sempurna dan senggaraan pendawaian elektrik telah dilaksanakan oleh agensi lain.

NO. SOALAN:18

Pada tahun ini, Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM50 juta melalui Kementerian Pembangunan Luar Bandar kepada GiatMara sebagai agensi pelaksana untuk melaksanakan skop projek yang melibatkan kerja-kerja senggaraan pendawaian, alat keselamatan, laluan keselamatan, peralatan dan pembaikan kecil dan pemasangan cctv. Peruntukan ini yang melibatkan 771 (data sehingga Februari 2018) buah maahad tahfiz berdaftar dan anggaran projek bagi setiap maahad tahfiz adalah RM80,000.00.

Dalam usaha memberi kesedaran berkaitan dengan aspek keselesaan dan keselamatan, Kerajaan melalui Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) mengadakan kerjasama dengan Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH) untuk memberi pendedahan kepada warga institusi tahfiz mengenai amalan keselamatan dan kesihatan serta mewujudkan persekitaran kerja yang selamat dan sihat kepada para guru, pentadbir dan murid di institusi tahfiz.

Sehubungan itu, bagi memudahkan urusan pihak Kerajaan untuk membantu institusi tersebut, semua institusi pendidikan Islam termasuk sekolah-sekolah tahfiz yang ditubuhkan oleh pelbagai pihak adalah digalakkan untuk berdaftar sepertimana yang tertakluk dalam Enakmen Kawalan Sekolah-Sekolah Agama atau undang-undang dan peraturan yang sedang berkuatkuasa di negeri berkenaan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN WONG KAH WOH [IPOH TIMUR]

TARIKH : 22 OKTOBER 2018 (ISNIN)

SOALAN NO.19

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah calon STPM dan program Matrikulasi yang mendapat Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) 4.0 tetapi gagal untuk ditawarkan kursus pilihan pertama dalam IPTA untuk tahun semasa, dan apakah tindakan Kementerian untuk membantu golongan ini untuk memasuki kursus impian mereka.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bilangan tempat di universiti awam (UA) adalah tertakluk kepada autonomi yang diberikan kepada UA. Walau bagaimanapun, Kementerian memastikan semua pelajar cemerlang dengan PNGK 4.0 diberikan penempatan di UA. Pertimbangan UA dalam menetapkan tempat kursus profesional yang menjadi pilihan pelajar cemerlang yang mempunyai PNGK 4.0 adalah tertakluk kepada kawalan badan-badan profesional demi menjaga kualiti pelajar serta berdasarkan kemampuan universiti dengan mengambil kira nisbah pensyarah kepada pelajar dan fasiliti pembelajaran dan pengajaran.

Bagi sesi akademik 2018/2019, seramai 3,800 pelajar lepasan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM)/Matrikulasi/Asasi yang memperolehi

PNGK 4.00 telah memohon kemasukan ke Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) melalui *UPUOnline*.

Daripada jumlah tersebut, sejumlah 62.3 peratus pelajar Lulusan STPM/Matrikulasi/Asasi yang mendapat PNGK 4.00 ditawarkan dengan pilihan pertama. Manakala 33.1% mendapat tawaran pada pilihan 2 hingga pilihan 5. Hanya 4.6% sahaja yang mendapat pilihan pilihan 6 hingga 12.

Kejayaan calon untuk memperoleh tempat bergantung kepada susunan merit dan pemilihan program pengajian di Universiti Awam (UA) yang telah dipohon serta bilangan tempat yang disediakan oleh UA serta perlu lulus dalam saringan ujian temu duga yang dijalankan oleh UA tertakluk kepada kelulusan Senat masing-masing. Kegagalan pelajar cemerlang untuk mendapat pilihan pertama adalah disebabkan oleh bilangan tempat yang terhad terutama bagi yang memohon program-program kompetitif seperti Perubatan, Pergigian, Farmasi dan Undang-undang.

Ibu bapa serta pelajar juga digalakkan untuk turut menjadikan beberapa kursus lain yang mempunyai kadar kebolehpasaran yang tinggi sebagai pilihan contohnya aeroangkasa, bioteknologi, optometri, forensik, fisioterapi dan pemakanan. KPM juga akan bekerjasama dengan agensi-agensi, syarikat swasta dan badan-badan lain untuk langkah intervensi di peringkat sekolah.

RJM26

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATUK ZAHIDI BIN ZAINUL ABIDIN
[PADANG BESAR]
TARIKH : 22 OKTOBER 2018 (ISNIN)

SOALAN NO. 20

Y.B. DATUK ZAHIDI BIN ZAINUL ABIDIN [PADANG BESAR] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah kaedah penstrukturan semula pemberian Bantuan Sara Hidup (BSH) dan sejauh manakah BSH ini membantu penerima dalam golongan B40.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Bantuan Sara Hidup (BSH) yang dikenali sebagai Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) sebelum ini merupakan salah satu bantuan bersasar bagi golongan berpendapatan rendah (B40) untuk meringankan beban sara hidup susulan daripada pelaksanaan rasionalisasi subsidi oleh Kerajaan (harga minyak diapungkan) pada tahun 2012.
2. Kementerian Kewangan dalam peringkat akhir memuktamadkan cadangan penambahbaikan BSH dan beberapa kaedah penstrukturan semula BSH sedang diperhalusi dan dikaji dengan teliti. Di samping itu, penambahbaikan BSH ini juga turut menekankan kerjasama strategik dengan agensi Kerajaan terutamanya Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), Kementerian Luar Negeri (KLN) dan Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU) untuk mengurangkan ketirisan bantuan serta menangani masalah *inclusion and exclusion error*. Turut dicadangkan di dalam penambahbaikan BSH adalah pembayaran terus 100% ke akaun bank penerima. Bagi penerima yang tiada akaun, pembukaan akaun bank pemohon secara berkelompok berdasarkan persetujuan/akuan pemohon yang akan dimasukkan pada borang permohonan akan dilakukan oleh bank yang terlibat. Maklumat penstrukturan terkini akan diumumkan semasa ucapan Belanjawan 2019 kelak.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN FONG KUI LUN [BUKIT BINTANG]

TARIKH : 22 OKTOBER 2018 (ISNIN)

SOALAN : 21

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah tindakan SPRM ke atas kes penjualan tanah DBKL dan bilakah pendakwaan akan dilakukan setelah semua fail berkaitan telah dirampas oleh SPRM dari DBKL beberapa bulan lalu.

JAWAPAN: YB Datuk Liew Vui Keong,
Menteri Di Jabatan Perdana Menteri

Yang Berhormat,

Untuk makluman Yang Berhormat Bukit Bintang, siasatan SPRM ke atas kes-kes penjualan tanah DBKL masih lagi dalam siasatan dan tindakan SPRM. Untuk menentukan pendakwaan ia adalah di bidang kuasa Pendakwa Raya.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' HAJI SALIM SHARIF [JEMPOL]

TARIKH : 22 OKTOBER 2018 (ISNIN)

SOALAN NO.22

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sebarang perancangan, perincian dan jangkaan untuk melaksanakan serta merealisasikan pendidikan percuma di Malaysia agar dapat mengurangkan beban rakyat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pendidikan rendah dan menengah Kerajaan adalah percuma sepenuhnya. Pendidikan di peringkat pendidikan tinggi pula adalah hampir percuma iaitu pelajar hanya membayar 10 peratus sahaja daripada kos operasi. Ini bermakna setiap pelajar Universiti Awam (UA) secara tidak langsung menerima 90 peratus subsidi daripada Kerajaan.

Yuran pengajian yang dibayar oleh pelajar UA juga adalah jauh lebih murah daripada yuran pengajian di institusi pendidikan tinggi swasta disebabkan Kerajaan membiayai hampir 90 peratus daripada kos pendidikan di UA. Kos 10 peratus ini juga ditanggung oleh Kerajaan melalui biasiswa dan secara tidak langsung melalui pinjaman PTPTN. Bayaran balik pinjaman pula boleh dirunding mengikut kadar kemampuan peminjam.

Selain KPM, terdapat Kementerian dan agensi Kerajaan lain yang turut menyediakan penajaan kepada pelajar melanjutkan pengajian ke institusi pendidikan tinggi seperti Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Majlis Amanah Rakyat (MARA), Yayasan-Yayasan Negeri dan agensi berkaitan Kerajaan seperti PETRONAS, Yayasan Tenaga Nasional, Yayasan Telekom, Bank Negara Malaysia dan Khazanah Nasional.

Selain itu, pada masa ini Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) juga tidak bercadang untuk menaikkan kadar yuran pengajian bagi pelajar warganegara.

RJM23

NO. SOALAN : 23

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN RUSNAH BINTI ALUAI
[TANGGA BATU]**

TARIKH : 22 OKTOBER 2018 (ISNIN)

SOALAN NO . 23

PUAN RUSNAH BINTI ALUAI minta **MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI** menyatakan bagaimana Kementerian memastikan penduduk mendapat bekalan air bersih dan terawat bagi mencapai sasaran sebanyak 99% penduduk akan memperoleh air bersih dan terawat menjelang tahun 2020.

SOALAN NO . 23

JAWAPAN

Tuan Yang di- Pertua,

1. Bagi memastikan penduduk mendapat bekalan air bersih dan terawat sebanyak 99% seperti mana yang disasarkan di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11), Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli (KATS) memberi penekanan kepada 3 fokus utama:
 - (i) Peningkatan kapasiti pengeluaran oleh loji rawatan air (LRA) melalui kerja-kerja pembinaan LRA baharu, baik-pulih dan naik taraf LRA, pembinaan rangkaian paip pengagihan dan tangki simpanan sama ada melalui peruntukan pinjaman Kerajaan Persekutuan, peruntukan kerajaan negeri dan pembiayaan oleh Pengurusan Air Aset Berhad (PAAB);
 - (ii) Program pengurangan kadar air tidak terhasil, dengan izin *non-revenue water* – NRW, di mana melalui cara ini terdapat lebihan air terawat untuk diagihkan kepada pengguna. Program ini dibiayai sama ada melalui peruntukan geran dan

pinjaman Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri dan PAAB;
dan

- (iii) Pengurangan kadar penggunaan per kapita dari 209 liter/sehari kepada 200 liter/sehari menjelang 2020. Langkah ini akan disokong melalui inisiatif penggunaan produk cekap air, kempen kesedaran penjimatan air dan pelaksanaan '*punitive tariff regime*' di mana caj air yang lebih tinggi dikenakan ke atas sesetengah jalur penggunaan air bagi mengelakkan pembaziran air. Melalui cara ini, lebihan air terawat dapat diagihkan ke kawasan yang memerlukan bekalan air.

Tuan Yang di-Pertua,

- 2. Selain itu, beberapa Kementerian dan agensi lain turut bertanggungjawab dalam perbekalan air terawat seperti Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB), Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) dan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli, Malaysia (JAKOA).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA,
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB TUAN NIK MOHAMAD ABDUH B. NIK
ABDUL AZIZ (BACHOK)**

TARIKH : 22 OKTOBER 2018

SOALAN :

**Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Bachok] minta
MENTERI DALAM NEGERI menyatakan tindakan lanjut dari pihak
Kementerian susulan kes kematian disebabkan arak beracun baru-baru
ini.**

JAWAPAN

Tuan Yang Di-pertua,

Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah membuka kertas siasatan berkaitan kes kematian akibat minuman keras palsu yang kini telah meragut nyawa seramai 40 orang. Siasatan kes ini masih diteruskan dan akan dirujuk kepada Jabatan Peguam Negara (AGC) bagi tujuan pendakwaan yang dibuka di bawah peruntukan Kanun Keseksaan dan juga Akta Kastam 1967.

Mesyuarat Jemaah Menteri pada 19 September 2018 telah mengarahkan PDRM segera membuat penyelarasan dengan Kementerian/ Agensi berkaitan termasuk Kementerian Kesihatan dan Pihak Berkuasa Tempatan untuk mengambil tindakan tegas bagi membanteras aktiviti pengilangan dan penjualan arak secara haram.

Susulan daripada keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri tersebut, PDRM bersama-sama Kementerian Kesihatan, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) dan Pihak Berkuasa Tempatan telah menjalankan sebanyak 21 siri Ops Bersepadu ke atas premis-premis yang disyaki di sekitar Selangor di mana 26 tangkapan dan sebanyak 16,040 botol/tin minuman keras telah dirampas.

JKDM juga telah menyerbu sebuah banglo tempat memproses minuman keras tiruan dan membuat beberapa tangkapan. Siasatan masih lagi diteruskan bagi tujuan pendakwaan. Pada masa yang sama juga PDRM dan JKDM telah merangka langkah-langkah selanjutnya bagi membanteras perkara ini. Usaha sama secara bersepadu akan diteruskan bagi memastikan kegiatan pengeluaran dan pengedaran minuman keras tiruan dapat dihapuskan sepenuhnya.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KEDUA PENGGAL PERTAMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR

TARIKH : 22 OKTOBER 2018

SOALAN :

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh] minta **MENTERI TENAGA MANUSIA** menyatakan :-

- (a) status terkini penyaluran peruntukan pinjaman Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK) yang mengakibatkan masalah kemasukan pelatih ke pusat latihan bertauliah; dan
- (b) kaedah penilaian keberkesanan kualiti pusat latihan bertauliah tersebut.

PR-1412-L02501

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada tahun ini Kerajaan hanya memperuntukkan Peruntukan Pembangunan di bawah Dana Pinjaman TVET kepada Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK) sebanyak RM175 juta untuk diberikan pinjaman latihan kemahiran kepada pelatih yang layak. Prestasi penggunaan Peruntukan Pembangunan ini bagi tahun semasa sehingga 31 Ogos 2018 adalah sebanyak RM105.5 juta atau 60.29% telah diluluskan untuk diberikan pinjaman latihan kemahiran kepada 8,445 pelatih.

2. Di samping itu, Seksyen 49, Akta Tabung Pembangunan Kemahiran 2004 (Akta 640) berhubung penolakan permohonan pinjaman latihan kemahiran menyatakan bahawa:-

“Permohonan pinjaman latihan kemahiran boleh ditolak atas mana-mana atau semua alasan yang berikut:

(a) bahawa jumlah wang yang disediakan untuk pinjaman latihan kemahiran dalam anggaran tahunan di bawah seksyen 14 adalah tidak mencukupi”

3. Ini bermakna PTPK boleh menolak permohonan pinjaman latihan kemahiran daripada mana-mana peminjam sekiranya peruntukan tidak mencukupi. Walau bagaimanapun, pihak Kerajaan sangat prihatin ke atas keperluan dan kepentingan untuk membiayai

pinjaman latihan kemahiran ini bagi menambahkan bilangan tenaga kerja mahir negara. Oleh yang demikian, Kementerian Kewangan baru sahaja meluluskan Peruntukan Pembangunan untuk Suku Tahun Ketiga Tahun 2018 kepada PTPK supaya dapat memberikan manfaat kepada lebih ramai pelatih yang layak untuk diberikan pinjaman latihan kemahiran ini.

4. Kerajaan akan terus menyalurkan Peruntukan Pembangunan kepada PTPK supaya dapat membantu pelatih yang menamatkan latihan kemahiran ini meningkatkan taraf hidup diri dan keluarga dengan mendapat pekerjaan yang lebih baik dan menerima gaji yang setimpal dengan kemahiran yang dimiliki, memenuhi keperluan industri dan menambahkan lagi bilangan tenaga kerja mahir negara, sekali gus dapat membantu mengurangkan kebergantungan terhadap tenaga kerja mahir luar negara.

Tuan Yang Di Pertua,

5. PTPK sentiasa berusaha dari semasa ke semasa untuk memastikan bahawa setiap Penyedia Latihan (PL) yang ingin berdaftar supaya pelatihnya mendapat pinjaman latihan kemahiran perlu mempunyai kualiti yang diiktiraf oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK).

6. Pengagihan kuota kepada PL yang berdaftar dengan PTPK adalah berdasarkan kepada beberapa kriteria. Antara kriterianya adalah berdasarkan kepada Penarafan Bintang kepada program

latihan PL yang mendapat penarafan bintang 3 hingga 5. Penarafan Bintang ini dinilai dan diberikan oleh JPK kepada PL yang bertauliah.

7. Kesimpulannya, PTPK sentiasa mengambil berat berhubung kualiti sesebuah PL sepertimana yang ditetapkan oleh JPK sebelum kelulusan pendaftaran PL dan kelulusan pengagihan kuota dibuat bagi membiayai pinjaman latihan kemahiran kepada pelatih-pelatih mereka yang layak.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA,
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN PANG HOK LIONG [LABIS]

TARIKH : 22 OKTOBER 2018

SOALAN :

Tuan Pang Hok Liong [Labis] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah benar selama ini, Cawangan Khas (Special Branch) Polis DiRaja Malaysia telah disalahgunakan oleh Kerajaan Barisan Nasional hanya bertujuan untuk melindungi dan mengekalkan kuasanya. Adakah pihak Kerajaan merancang untuk membubarkan Cawangan Khas dan bila .

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Cawangan Khas telah ditubuhkan oleh kerajaan bertujuan untuk mengumpulkan sebarang bentuk maklumat risikan keselamatan dalam negeri yang berkaitan dengan aktiviti subversif, penyuluhan, sabotaj atau mana-mana percubaan untuk melakukan aktiviti berkenaan. Tugas ini adalah selaras dengan peruntukan seksyen 3(3) Akta Polis 1967. Maklumat-maklumat risikan keselamatan akan disalurkan kepada jabatan-jabatan kerajaan yang berkaitan dan akan digunakan sebaiknya di dalam pembuatan keputusan demi menjamin keselamatan negara daripada sebarang bentuk ancaman sama ada dari dalaman mahupun luaran.

Polis Diraja Malaysia (PDRM) adalah sebuah agensi keselamatan yang profesional yang menjalankan tugas mengikut kuasa yang diperuntukkan di bawah undang-undang terutamanya Akta Polis 1967. Setakat ini, tiada bukti kukuh yang menunjukkan Cawangan Khas atau mana-mana jabatan di bawah PDRM disalahgunakan untuk kepentingan pihak-pihak tertentu. Namun sekiranya ada bukti yang menunjukkan mana-mana pegawai polis atau mana-mana pegawai awam yang lain terlibat menyalahgunakan kuasa untuk kepentingan pihak-pihak tertentu, tindakan tegas akan diambil.

Dengan mengambilkira kepentingan agensi perisikan termasuklah Cawangan Khas dalam memelihara kepentingan keselamatan negara, tidak timbul isu Cawangan Khas perlu dibubarkan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATO' SERI HAMZAH BIN ZAINUDIN
[LARUT]
TARIKH : 22 OKTOBER 2018 (ISNIN)

SOALAN NO. 27

Y.B. DATO' SERI HAMZAH BIN ZAINUDIN [LARUT] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berikutan pelaksanaan semula SST pada 1 September lepas dilakukan secara tergesa-gesa apakah langkah-langkah dalam memberikan penerangan yang lengkap kepada pihak pelaksana, pengilang, pemberi perkhidmatan dan pengguna telah dilakukan, serta nyatakan berapakah jumlah aduan yang diterima Kementerian sepanjang tempoh itu hingga kini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk memastikan peniaga yang terlibat memahami sepenuhnya SST dan tidak terbebani dengan mekanisme baru pelaksanaan SST, Kementerian Kewangan dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) telah mengadakan sesi penerangan dan taklimat SST serta program *handholding* dengan pihak peniaga, pihak industri, badan profesional dan persatuan pengguna di seluruh negara yang juga dihadiri oleh Menteri Kewangan sendiri.

Sebanyak 18 sesi taklimat SST bersama Menteri Kewangan dan Ketua Pengarah JKDM telah dianjurkan oleh pihak JKDM dalam bulan Ogos dan September di mana Menteri Kewangan turun padang ke seluruh Malaysia untuk mengadakan sesi dialog untuk menerima maklum balas serta mendengar aduan daripada pihak peniaga. Secara keseluruhan, seramai 15,000 peniaga telah menghadiri sesi taklimat dengan Menteri Kewangan. Dalam sesi-sesi tersebut, Menteri Kewangan dan Ketua Pengarah JKDM telah berjaya menyelesaikan atau merujuk untuk tindakan selanjutnya semua soalan dan aduan yang diterima.

Bermula pada 18 Mei 2018, sesi taklimat juga telah diadakan dengan badan profesional, pihak industri dan persatuan pengguna. Ini diikuti dengan sesi taklimat kepada dewan perniagaan, badan profesional dan wakil industri yang dianjurkan oleh JKDM pada 19 Julai 2018 dan diikuti dengan program yang serupa yang dijalankan di seluruh negara. Sehingga kini, sebanyak 1,000 program *handholding* dan sesi penerangan SST telah dijalankan dan dihadiri oleh 82,000 orang peserta yang terdiri daripada golongan profesional, peniaga dari pelbagai jenis industri dan wakil pengguna. Malah, Menteri Kewangan juga telah menghantar pegawai khasnya untuk mendengar dan membantu menyelesaikan aduan-aduan di pejabat JKDM di Kelana Jaya setiap hari untuk tempoh sebulan.

NO SOALAN : 27

Sesi yang dijalankan ini antara lain bertujuan untuk menerangkan tentang skop dan model SST baharu serta perbandingan antara SST dengan GST terutamanya berkaitan kadar cukai dan skop kenaan cukai. Melalui penerangan yang lengkap dan tepat mengenai SST, Kerajaan berharap SST dapat dilaksanakan dengan jaya dan mencapai hasrat yang ditetapkan oleh Kerajaan.

Selain program *handholding* yang dijalankan, JKDM turut melaksanakan beberapa program lain iaitu Ops Bimbing SST dan Ops Mesra Penyata SST-02. Pelaksanaan program tersebut bertujuan untuk meningkatkan tahap kefahaman peniaga terhadap perundangan dan model SST serta meningkatkan tahap pematuhan orang berdaftar termasuk dari segi tanggungjawab untuk menghantar penyata SST-02. JKDM akan terus mengadakan sesi *engagement* dengan pihak industri dan peniaga serta mengambil langkah bagi menyelesaikan isu-isu berbangkit.

Mulai tempoh 1 September 2018 sehingga 15 Oktober 2018, sebanyak 176 aduan berkaitan SST telah diterima oleh JKDM. Sebanyak 126 daripada 176 aduan tersebut telah diselesaikan oleh JKDM manakala 50 aduan masih lagi dalam tindakan JKDM. Secara umumnya, aduan yang diterima adalah berkaitan dengan perkara berikut:

- Masalah pendaftaran SST;
- Pertanyaan pengenaan SST terhadap sesuatu barang atau perkhidmatan;
- Kesukaran menghubungi talian *helpdesk*;
- Kenaikan harga barang selepas 1 September 2018; dan
- Peniaga tidak menyatakan nombor pendaftaran SST tetapi mengenakan cukai kepada pelanggan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI DR. ADHAM BIN BABA
[TENGGARA]**

TARIKH : 22 OKTOBER 2018 (ISNIN)

SOALAN NO.28

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah langkah kritikal yang akan diambil pihak Kementerian bagi mengatasi masalah graduan Pendidikan Awal Kanak-kanak yang belum mendapat pekerjaan disebabkan oleh ketiadaan sebarang temu duga dari pihak Kementerian.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Penempatan graduan pendidikan termasuklah graduan Pendidikan Awal Kanak-Kanak di sekolah-sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) adalah berasaskan kepada kekosongan jawatan mengikut opsyen pengajaran, dan graduan yang lulus temu duga pelantikan sebagai Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah (PPPS) oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (SPP). Berdasarkan rekod pada 1 Oktober 2018, terdapat 22 graduan lepasan Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) opsyen Pendidikan Awal Kanak-kanak yang telah bergraduasi pada Jun 2018. Urusan temu duga dijangka akan dilaksanakan oleh SPP pada Oktober 2018 bagi penempatan pada awal sesi persekolahan tahun 2019.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, IPGM telah dipertanggungjawabkan untuk menyediakan latihan perguruan dalam bidang Pendidikan Awal Kanak-kanak bagi mengisi keperluan perjawatan dan bekalan guru prasekolah di sekolah-sekolah rendah kendalian KPM. Justeru itu, KPM memberi keutamaan untuk menempatkan graduan Institut Pendidikan Guru dan graduan tajaan KPM kerana latihan mereka telah diunjurkan lebih awal oleh KPM. Walau bagaimanapun, bagi graduan Pendidikan Awal Kanak-Kanak daripada institusi-institusi lain termasuk universiti awam masih diperlukan oleh tadika dan taska dari agensi di luar KPM mahupun swasta.

RJM25

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : Lisan

DARIPADA : Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]

TARIKH : 22 Oktober 2018

SOALAN : Dr. Kelvin Yii Lee Wue [Bandar Kuching] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan berkenaan bantuan yang telah diberikan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar Persekutuan kepada Sarawak untuk mengatasi masalah wabak “Rabies” di Sarawak. Adakah bantuan lebih lagi akan diberikan untuk mengawal wabak ini disebabkan penularan wabak tersebut hampir ke seluruh Sarawak.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Bantuan yang telah diberikan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar Persekutuan kepada Sarawak sama ada dalam bentuk kewangan dan sumber manusia setakat ini telah dapat membantu usaha pengawalan wabak, di mana semua perancangan dan program pembasmian, pengawalan dan pencegahan Rabies dapat dicapai dengan lebih cepat lagi dan berkesan.

Dalam pada itu, Kementerian juga telah menyalurkan peruntukan sebanyak RM2,761,000.00 kepada pihak Jabatan Perkhidmatan Veterinar Persekutuan bagi tujuan bantuan pengoperasian. Semua peruntukan yang diperolehi telah dirancang penggunaannya dengan teratur untuk melaksanakan banyak program pengawalan wabak Rabies, antaranya ialah:

SOALAN NO. : 29

- i. menjalankan pemusnahan anjing terbiar bagi mengelakkan penularan rabies;
- ii. mengeluarkan Perintah Penularan Anti-Rabies dan juga memperhebatkan program vaksinasi untuk melindungi anjing yang bertuan sahaja secara besar-besaran;
- iii. mempertingkatkan kawalan sempadan yang melibatkan Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Pasukan Gerakan Am (PGA) dengan mengadakan sekatan jalan raya dan menembak anjing terbiar 5km selepas kawasan sempadan Kalimantan-Sarawak;
- iv. mengadakan kempen kesedaran awam dengan melibatkan Jabatan Penerangan Negeri Sarawak dalam menguar-uarkan risiko penyakit Rabies;
- v. menjalankan kajian populasi anjing terbiar di Negeri Sarawak;
- vi. mengarahkan Pihak Berkuasa Tempatan untuk menguatkuasakan undang-undang kecil termasuk pelesenan anjing serta menasihati pemilik haiwan untuk mengurung anjing di dalam rumah; dan
- vii. mengadakan sekatan jalanraya bersama-sama dengan agensi-agensinya yang berkaitan dari semasa ke semasa untuk menghalang pergerakan anjing dari satu bahagian ke bahagian yang lain.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA,
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATUK SERI M. SARAVANAN (TAPAH)

TARIKH : 22 OKTOBER 2018

SOALAN :

Datuk Seri M. Saravanan [Tapah] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan sama ada Kerajaan Pakatan Harapan telah berjaya menyelesaikan masalah komuniti India yang tidak mempunyai status kewarganegaraan (*stateless Indians*) dalam tempoh 100 hari pentadbiran dan berapa jumlah mereka yang telah menerima kewarganegaraan setakat hari ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, berhubung dengan pertanyaan Ahli Yang Berhormat mengenai prosedur pemprosesan permohonan kewarganegaraan, dimaklumkan bahawa prosedur operasi standard (SOP) bagi permohonan kewarganegaraan Malaysia adalah berpandukan kepada senarai semak yang diperincikan daripada peruntukan di bawah Bahagian III, Perlembagaan Persekutuan serta Kaedah-Kaedah Kewarganegaraan 1964 (Pindaan 1996). Bahagian III, Perlembagaan Persekutuan telah menetapkan tiga (3) kaedah pemerolehan kewarganegaraan Malaysia iaitu

SOALAN: 30

secara kuat kuasa undang-undang, pendaftaran atau penaturalisasian. Bagi warga asing, permohonan kewarganegaraan Malaysia boleh dikemukakan sama ada secara pendaftaran atau penaturalisasian.

Setiap permohonan kewarganegaraan yang diterima oleh Kementerian Dalam Negeri (KDN) akan diproses dengan teliti dalam memastikan setiap permohonan berkenaan memenuhi syarat-syarat perundangan yang ditetapkan oleh Perlembagaan Persekutuan. Syarat-syarat utama yang perlu dipenuhi adalah cukup tempoh mastautin sekurang-kurangnya 12 tahun dari tarikh pegangan Kad Pengenalan Pemastautin Tetap MyPR dan telah menunjukkan niat untuk bermastautin, mempunyai pengetahuan dalam Bahasa Melayu serta mestilah berkelakuan baik. Beban untuk membuktikan kelayakan untuk dianugerahkan kewarganegaraan Malaysia ini adalah di bawah tanggungjawab setiap pemohon.

Setelah selesai proses pertimbangan dan jika permohonan diluluskan, pemohon perlu hadir ke pejabat Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) dengan membawa surat kelulusan yang dikeluarkan sama ada oleh KDN atau JPN untuk prosedur mengangkat sumpah dan membuat bayaran pengeluaran Sijil Kewarganegaraan. Setelah Sijil Kewarganegaraan dikeluarkan, pemohon akan layak bergelar sebagai seorang warganegara Malaysia.

Adalah ditegaskan bahawa taraf kewarganegaraan Malaysia merupakan anugerah tertinggi dan hak eksklusif Kerajaan Persekutuan yang tidak ditawarkan dan diberikan dengan sewenang-wenangnya. Sehubungan dengan itu, setiap pertimbangan serta keputusan dibuat dengan teliti dan menyeluruh. Ini adalah bagi memastikan kewarganegaraan dianugerahkan kepada individu yang berkelayakan, dapat memberikan sumbangan signifikan kepada negara serta menumpahkan taat setia kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong tanpa mengabaikan kepentingan nasional serta keselamatan dan kesejahteraan warganegara sedia ada.

Susulan daripada pengumuman YAB Perdana Menteri pada 14 Ogos 2018

mengenai penganugerahan kewarganegaraan kepada pemegang Kad Pengenalan Pemastautin Tetap MyPR berumur 60 tahun dan ke atas yang telah memenuhi syarat yang ditetapkan oleh Perlembagaan Persekutuan, KDN sedang melaksanakan tindakan segera terhadap arahan berkenaan secara berperingkat dan selaras dengan peruntukan perundangan di bawah Perlembagaan Persekutuan.

Sehubungan dengan itu, KDN telah menambahbaik dan memberi kelonggaran bersesuaian dalam pertimbangan terhadap permohonan pemegang Kad Pengenalan Pemastautin Tetap MyPR berumur 60 tahun dan ke atas dengan mengambil kira aspek kemanusiaan seperti berikut:-

- (i) Pengecualian Komponen Membaca dan Menulis bagi Ujian Pengetahuan Bahasa Melayu (UPBM) serta pertimbangan untuk kelulusan walaupun mereka mendapat gred terendah dalam ujian tersebut; dan

- (ii) Pemohon yang gagal Tapisan Keselamatan oleh PDRM masih dipertimbangkan untuk kelulusan sekiranya kesalahan bukanlah dalam kategori jenayah berat, jenayah professional dan jenayah terancang serta kesalahan tersebut telah melebihi 20 tahun.

Buat masa ini, KDN dalam tindakan menyelesaikan isu kewarganegaraan individu berketurunan India selaras dengan Manifesto 100 Hari Kerajaan dalam pilihan raya ke-14 baru-baru ini dan KDN telahpun selesai memproses semua permohonan kewarganegaraan daripada individu pemegang Kad Pengenalan Pemastautin Tetap MyPR berketurunan India berumur 60 tahun dan ke atas yang telah diterima dari tempoh 2013 sehingga Mei 2018 berjumlah sebanyak 1,667 permohonan dengan 1,641 permohonan telah diluluskan dan 26 permohonan telah ditolak kerana tidak memenuhi syarat yang ditetapkan dalam Perlembagaan Persekutuan.

Kementerian ini juga melalui JPN sentiasa mengambil langkah proaktif

SOALAN: 30

dalam memastikan pendaftaran dokumen pengenalan diri individu yang berkelayakan dapat dilaksanakan dengan mudah di seluruh negara melalui inisiatif berterusan seperti mana berikut:-

- (i) Perkhidmatan menerusi Program Turun Padang (Program *Outreach*);
- (ii) Perkhidmatan melalui Unit *Mobile*; dan
- (iii) Perkhidmatan melalui Bas *Mobile*.

Selain daripada itu, pada 9 Oktober 2018 KDN telah mengadakan satu Sesi Perjumpaan Bersama Wakil-Wakil Rakyat India Berkenaan Isu Dokumen Pengenalan Diri dan Kewarganegaraan Masyarakat India. Sesi perjumpaan ini telah dihadiri oleh lapan (8) orang Ahli Parlimen dan Ahli Dewan Undangan Negeri yang diketuai oleh YB Sivarasa Rasiah, Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar selaku Ketua Sekretariat. Hasil daripada sesi perjumpaan ini, pelbagai perkara telah dibincangkan dan memberikan perspektif yang baru kepada kedua-dua belah pihak mengenai isu dokumen pengenalan diri dan kewarganegaraan masyarakat India.

Satu Majlis Penyampaian Surat Kelulusan Kewarganegaraan Oleh YB Tan Sri Dato' Menteri Dalam Negeri akan diadakan pada 25 Oktober 2018 di Jabatan Pendaftaran Negara, Putrajaya. Seramai 200 orang pemohon bakal menerima surat kelulusan kewarganegaraan Malaysia di bawah Perkara 19(1), Perkara 16 dan Perkara 15(1) Perlembagaan Persekutuan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA HAJI
ANNUAR BIN HAJI MUSA
[KETEREH]
TARIKH : 22 OKTOBER 2018 (ISNIN)

SOALAN NO. 31

Y.B. TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA HAJI ANNUAR BIN HAJI MUSA [KETEREH] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan prestasi terkini Ringgit berbanding mata wang lain di rantau ini dan sejauh mana keyakinan kerajaan bahawa nilai Ringgit akan terus mengukuh di bawah pentadbiran Pakatan Harapan meskipun nilainya semakin merosot.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sehingga 9 Oktober 2018, nilai ringgit telah menyusut sebanyak 2.3% manakala nilai mata wang serantau yang lain telah menyusut sebanyak 3.4% hingga 11% berbanding dolar AS. Walau bagaimanapun, berbanding dengan mata wang serantau, prestasi ringgit adalah lebih stabil. Ringgit telah menambah nilai sebanyak 1.1% berbanding dolar Singapura, 5.9% berbanding peso Filipina dan 9.9% berbanding rupiah Indonesia bagi tempoh yang sama.

2. Faktor utama kejatuhan nilai ringgit serta mata wang serantau kebelakangan ini adalah akibat aliran keluar dana asing yang didorong oleh faktor-faktor luaran, antaranya:

- a. ketidakstabilan pasaran dunia akibat risiko perang perdagangan (*trade war*) antara Amerika Syarikat - China;
- b. kenaikan kadar faedah oleh bank pusat Amerika Syarikat menyebabkan pelabur menilai dan mengimbangi semula kedudukan portfolio mereka dalam pasaran kewangan "ekonomi sedang pesat membangun" (*emerging economies*); dan
- c. kebimbangan mengenai risiko kesan penularan (*contagion effect*) dalam kalangan mata wang ekonomi sedang pesat membangun berikutan kejatuhan ketara peso Argentina dan lira Turki, yang telah menyusut nilai sebanyak 49.8% dan 37.7% masing-masing berbanding dengan dolar AS sehingga 9 Oktober 2018.

Tuan Yang di-Pertua,

3. Dalam keadaan pasaran kewangan global yang tidak menentu ini, kadar pertukaran ringgit yang fleksibel telah memainkan peranan yang penting sebagai penyerap kejutan luaran tanpa menjejaskan aktiviti ekonomi domestik. Namun begitu, volatiliti ringgit yang ketara boleh menjejaskan aktiviti ekonomi

NO SOALAN : 31

berikutan kesukaran sektor perniagaan dan perindustrian merancang strategi dan mengambil keputusan yang wajar. Oleh itu, Kerajaan akan sentiasa memastikan keadaan pasaran kewangan lebih lancar dan mengambil langkah proaktif dengan memperkenalkan langkah-langkah untuk memastikan kecairan yang mencukupi, pasaran yang berdaya tahan dan mengurangkan aktiviti spekulasi dalam pasaran.

4. Antara langkah-langkah tersebut adalah penetapan syarat supaya sebahagian besar hasil eksport dalam mata wang asing ditukar kepada ringgit. Langkah ini bertujuan menambahkan mudah tunai wang asing dalam pasaran dalam negeri dan peningkatan penguatkuasaan ke atas peraturan tukaran asing sedia ada bagi mencegah mata wang ringgit diniagakan di luar pesisir bagi mengekang aktiviti spekulasi.

5. Dalam jangka masa panjang, nilai ringgit akan didorong terutamanya oleh kekuatan asas ekonomi negara. Sehubungan itu, Malaysia perlu menumpukan usaha untuk meningkatkan daya tahan ekonomi dengan mempelbagaikan sumber ekonomi, memperkukuh daya saing ekonomi dan kedudukan fiskal negara. Dengan ini, prestasi ringgit, rizab negara dan pasaran modal akan terus meningkat seiring dengan pengukuhan asas ekonomi negara dan pasaran kewangan global.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **YB TUAN CHANG LIH KANG
[TANJONG MALIM]**

TARIKH : **22 OKTOBER 2018 (ISNIN)**

SOALAN NO. 25

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan sama ada status kawasan Tanjong Malim sebagai “Bandar Belia” akan diteruskan, dan projek-projek seperti Program Rumah Transit Belia dan Ibu Pejabat Commonwealth Youth Council (CYC) akan diteruskan.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui PLANMalaysia (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa) telah melaksanakan Inisiatif Bandar Belia selaras dengan hasrat Kerajaan Persekutuan menyediakan peluang kepada golongan belia untuk memajukan diri dalam alam pekerjaan dan keusahawanan serta membolehkan mereka meningkatkan kemahiran dan keupayaan diri. Di samping

itu, golongan belia juga dapat menikmati hidup secara sejahtera dengan kemudahan rekreasi, perumahan mampu milik, pengangkutan dan persekitaran yang harmoni.

2. Inisiatif Bandar Belia Tanjong Malim akan diteruskan dan telah dimasukkan dalam Draf Rancangan Tempatan Daerah Mualim (DRTDM) dan sebahagian Daerah Batang Padang 2035 yang sedang disediakan. DRTDM ini dijangka akan diwartakan pada tahun 2019.
3. Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Perak akan meneruskan dan memberi sokongan ke atas pembangunan rumah transit dan ibu pejabat *Commonwealth Youth Council* (CYC). Cadangan pembangunan tapak rumah transit sebanyak 336 unit merupakan projek kerjasama (*joint venture*) antara Lembaga Perumahan Hartanah Perak (LPHP) dengan syarikat swasta. Kini, pihak syarikat sedang dalam peringkat perundingan rekabentuk dengan pihak LPHP. Kerja tanah dijangka bermula pada Jun 2019.
4. Projek Ibu Pejabat *Commonwealth Youth City* dijangka akan dilancarkan oleh Menteri Besar Perak pada 17 November 2018 di Majlis Daerah Tanjong Malim. Kerajaan Negeri Perak sedang dalam proses mendapatkan kelulusan penyerahan tanah daripada Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP) di bawah Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan (JKPTG).

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **Datuk Dr. Jeffrey Gapari Kitingan**

TARIKH : **22 OKTOBER 2018**

MENJAWAB

SOALAN : **33**

YB Datuk Dr. Jeffrey Gapari Kitingan [Keningau] minta PERDANA MENTERI menyatakan:-

- (a) bilakah Kerajaan Persekutuan akan membentangkan pindaan-pindaan kepada Perlembagaan Persekutuan untuk mengembalikan status Sabah dan Sarawak sebagai rakan kongsi sama taraf kepada Malaysia dalam pembentukan Persekutuan Malaysia ; dan

(b) adakah Kementerian bercadang menggubal satu Perlembagaan yang baru untuk Persekutuan Malaysia yang baru untuk mengikat dan mengiktiraf Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak sebagai rakan kongsi sama taraf dalam Persekutuan Malaysia yang baru memandangkan Persekutuan Malaysia yang wujud sekarang di bawah Artikel 160 Perlembagaan Persekutuan bermaksud persekutuan yang ditubuh di bawah Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu dan bukan Perjanjian Malaysia 1963.

JAWAPAN: YB DATUK LIEW VUI KEONG

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

1. Jemaah Menteri pada 5 September 2018 telah bersetuju untuk menubuhkan suatu Jawatankuasa Khas Kabinet untuk menyemak dan meneliti hak Kerajaan Negeri Sabah dan Kerajaan Negeri Sarawak di bawah Perjanjian Malaysia 1963. Terma rujukan bagi Jawatankuasa Khas Kabinet tersebut antaranya adalah untuk mengenal pasti dan menyemak isu berhubung dengan pelaksanaan hak-hak dan kuasa autonomi Kerajaan Negeri Sabah dan Kerajaan Negeri Sarawak berdasarkan Perlembagaan Persekutuan, Perjanjian Malaysia 1963 dan *Report of the Inter-Governmental Committee 1962* serta memperakukan syor berhubung dengan keperluan untuk memperbaharu kerangka perundangan.

2. Jawatankuasa Khas Kabinet ini bertanggungjawab untuk meneliti dan mempertimbangkan apa-apa cadangan berhubung dengan hak Kerajaan Negeri Sabah dan Kerajaan Negeri Sarawak antaranya cadangan untuk mengembalikan status Kerajaan Negeri Sabah dan

Kerajaan Negeri Sarawak sebagai rakan kongsi dalam pembentukan Persekutuan Malaysia dan perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya.

3. Persoalan mengenai pelanggaran Perlembagaan Persekutuan berhubung hak-hak Sabah dan Sarawak tidak berbangkit dalam konteks ini kerana Jawatankuasa Khas ini bertujuan untuk memberi tumpuan kepada pelaksanaan hak-hak dan kuasa autonomi Kerajaan Negeri Sabah dan Kerajaan Negeri Sarawak sebagaimana yang telah termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan, Perjanjian Malaysia 1963 dan *Report of the Inter-Governmental Committee 1962*.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA,
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' DR. MOHD KHAIRUDDIN BIN AMAN
RAZALI [KUALA NERUS]**

TARIKH : 22 OKTOBER 2018

SOALAN :

**Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus] minta
MENTERI DALAM NEGERI menyatakan implikasi pindaan pertuduhan
yang dikenakan ke atas individu yang menganggotai kumpulan kongsi
gelap terhadap usaha membanteras gengsterisme dan jenayah
terancang.**

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-pertua,

Polis Diraja Malaysia (PDRM) sebagai badan penguatkuasa utama negara sentiasa komited dalam memastikan keselamatan dan ketenteraman awam dapat dijaga dan dipelihara. Tindakan meminda pertuduhan dari Seksyen 130V Kanun Keseksaan kepada Seksyen 43 Akta Pertubuhan 1966 menyebabkan Kumpulan Jenayah Terancang (KJT) dapat dibebaskan dari tahanan SOSMA dan ianya sudah pun menimbulkan kegusaran serta kebimbangan masyarakat kerana dikhuatiri kes-kes jenayah kekerasan yang sering dilakukan oleh kumpulan ini akan terus berleluasa.

Implikasi sekiranya ahli kumpulan jenayah terancang (KJT) di bebaskan ekoran pindaan pertuduhan dapat di rumuskan seperti berikut:-

- i) Jika kesemua ahli Kumpulan Jenayah Terancang dibebaskan, kumpulan yang telah lumpuh selama ini akan kembali bersatu semula dengan ahli-ahli lain yang masih bebas dan berupaya untuk aktif semula dengan aktiviti haram mereka.
- ii) Tidak dinafikan akan berlaku kejadian jenayah serius kerana hendak membalas dendam terhadap saksi-saksi yang memberi maklumat kepada pihak polis, geng yang bermusuhan dan geng yang telah mengambil alih perniagaan haram mereka.
- iii) Ancaman keselamatan ke atas pegawai polis yang menyiasat dan mengendalikan kes-kes KJT. Kumpulan ini mempunyai sejarah dan berupaya untuk mendatangkan ancaman ke atas nyawa dan harta benda. Ini termasuk lah juga ahli keluarga pegawai-pegawai berkenaan.

- iv) Berdasarkan maklumat risikan, masih terdapat lagi senjatapi yang masih belum dapat diperolehi oleh pihak Polis dari KJT ini. Dengan pembebasan ahli-ahli KJT, Kes-kes jenayah kekerasan yang melibatkan senjatapi dijangka akan meningkat.
- v) Setakat ini, harta yang disita, dibekukan dan dirampas di bawah peruntukan AMLA Akta Pengubahan Wang Haram 2001 (AMLA) dari kesemua KJT yang telah diambil tindakan adalah bernilai lebih kurang RM50 juta. Sekiranya mereka dibebaskan, harta tersebut terpaksa diserahkan semula. Situasi ini seolah-olah memberi pengiktirafan harta tersebut telah disahkan bersih. Seterusnya ianya akan menaikkan kembali ekonomi kumpulan ini dan sudah tentu aktiviti haram mereka akan kembali aktif.
- vi) Siapa yang akan mendapat manfaat hasil dari pindaan ini. Sudah tentu hanya segelintir orang sahaja. Bagaimana pula dengan ahli keluarga mangsa yang telah mati dibunuh dan yang dcederakan serta dirompak. Bagaimana dengan masyarakat majoriti yang mahukan negara ini aman dan sejahtera.
- vii) Kegiatan pemerasan wang dan kutipan wang perlindungan dari tapak projek pembinaan, peniaga-peniaga kecil akan berleluasa.
- viii) Pelabur-pelabur asing sudah tentu akan diugut dan ianya boleh menjejaskan kedudukan ekonomi negara.
- ix) Tidak dinafikan juga, kebanyakan kumpulan yang ditangkap, terlibat dalam pengedaran dadah. Sekiranya mereka dibebaskan, Isu dadah di negara ini pastinya tidak akan selesai dan akan meruncing.

Kementerian akan memohon kepada pihak kerajaan supaya mengkaji semula keputusan yang telah di buat ini untuk mengembalikan kepercayaan rakyat kepada kerajaan dan PDRM khususnya.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KEDUA PENGGAL PERTAMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN AWANG HUSAINI BIN SAHARI

TARIKH : 22 OKTOBER 2018

SOALAN :

Tuan Awang Husaini bin Sahari [Putatan] minta **MENTERI TENAGA MANUSIA** menyatakan apakah tindakan Kementerian bagi menambah bilangan Institut Latihan Perindustrian (ILP) di Sabah yang sekarang terdapat hanya 2 buah ILP dari 23 buah ILP di seluruh Malaysia memandangkan guna tenaga di Sabah akan meningkat dari 135,000 kepada 228,704 menjelang 2025 serta tenaga kerja yang berpendidikan di sekitar tersebut dijangka meningkat dari 10% kepada 45% menjelang 2025. Apakah Kementerian akan meningkatkan bilangan ILP di Sabah dalam Rancangan Malaysia akan datang.

PR-1412-L02781

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

1. Kerajaan telah membina 2 buah institut latihan di Sabah iaitu Institut Latihan Perindustrian (ILP) Kota Kinabalu pada tahun 2000 dan Institut Latihan Perindustrian (ILP) Sandakan pada tahun 2003. Kedua-dua institut yang beroperasi di bawah Jabatan Tenaga Manusia (JTM), Kementerian Sumber Manusia dan mampu untuk menampung kapasiti latihan seramai 1,300 orang pelajar pada satu-satu masa bagi tujuan meningkatkan lagi pengeluaran tenaga mahir di Negeri Sabah. Justeru itu, bagi masa kini, pihak kementerian akan terus fokus memperkukuhkan bidang-bidang yang ditawarkan di ILP bagi memastikan latihan yang terbaik kepada belia dan memenuhi keperluan industri.

2. Selain ILP, terdapat juga pusat latihan kemahiran yang didaftarkan di bawah Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK), Kementerian Sumber Manusia yang terdiri daripada 53 buah Institusi Latihan Kemahiran Awam (ILKA) dan 36 buah Institusi Latihan Kemahiran Swasta (ILKS) menjadikan kesemua jumlahnya sebanyak 89 buah institusi di Sabah yang menawarkan latihan kemahiran kepada belia, pekerja industri dan komuniti setempat seperti Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN), Institut kemahiran MARA, GIATMARA, Kolej Vokasional serta institusi swasta. Melalui 89 buah

ILKA dan ILKS ini, dijangka dapat menampung keperluan tenaga kerja di Negeri Sabah.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **DATUK DR. HAJI ABD. LATIFF BIN AHMAD**
KAWASAN : **MERSING**
TARIKH : **22 Oktober 2018**

SOALAN

Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Ahmad [Mersing] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan adakah Malaysia terjejas atau menerima kesan ekoran Perang dagangan Amerika Syarikat (AS) – Republik Rakyat China (RRC) yang masih berlanjutan. Sekiranya ia, apakah tindakan Kementerian untuk mengurangkan kesan berkenaan kepada negara.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1. Bagi tempoh Januari hingga Ogos 2018, nilai dagangan Malaysia berkembang sebanyak 6% kepada RM1.2 trillion berbanding dengan tempoh yang sama pada tahun 2017. Ini disumbang oleh nilai eksport melalui peningkatan sebanyak 6.3% kepada RM650.6 billion, manakala nilai import pula agak perlahan pada kadar 5.6% kepada RM580.1 billion. Bagi tempoh ini, Malaysia mencatatkan lebih dagangan sebanyak RM70.5 billion iaitu peningkatan sebanyak 11.9%.
2. Bagi perdagangan dua hala pula, nilai dagangan dengan RRC bagi 8 bulan pertama 2018 berkembang 9.6% kepada RM206.19 bilion berbanding tempoh yang sama tahun lepas. Eksport ke RRC mengukuh sebanyak 11% kepada RM89.31 bilion.

3. Bagi dagangan dua hala dengan AS, bagi tempoh Januari – Ogos 2018, nilai dagangan adalah sebanyak RM101.50 bilion, menurun sebanyak 1.5% berbanding tempoh yang sama pada tahun 2017. Walaubagaimanapun, eskport Malaysia ke AS meningkat sebanyak 1.2% kepada RM59.18 bilion manakala import dari AS menurun 5% kepada RM42.32 bilion.

Tuan Yang Dipertua,

4. Bagi prestasi pelaburan pula, secara dasarnya, Malaysia sentiasa menjadi antara destinasi pelaburan utama bagi pelabur-pelabur asing. Kedudukan Malaysia yang strategik serta persekitaran perniagaan yang kondusif menyebabkan Malaysia terus dilihat sebagai sebuah negara yang kompetitif dan berdaya saing.
5. Setakat suku kedua 2018, kedudukan pelaburan langsung asing (FDI Stock) [dengan izin] telah direkodkan sebanyak RM590 juta. Ini merupakan peningkatan sebanyak 6%, berbanding tempoh yang sama tahun lalu.
6. Daripada petunjuk-petunjuk ini, kita melihat kesan-kesan ketegangan perdagangan antara AS dan RRC kepada Malaysia masih di tahap terkawal dengan pertumbuhan perdagangan yang kekal positif.
7. Walau bagaimanapun, kita tidak harus berasa selesa dengan keadaan ini kerana jika keadaan konflik ini berlarutan, impak jangka panjang mungkin akan menjejaskan perdagangan Malaysia dan keadaan ekonomi secara amnya.

Tuan Yang Dipertua,

8. Disebabkan ketidaktentuan konflik perdagangan ini, Pertubuhan Perdagangan Dunia (*World Trade Organisation*) [dengan izin] telah menilai semula unjuran pertumbuhan perdagangan dunia dari 3.9%

NO. SOALAN : 36

pada tahun 2018 kepada 3.7% pada tahun 2019. Begitu juga dengan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF), di mana mengunjurkan bahawa pertumbuhan GDP akan menguncup dari 3.9% kepada 3.7% pada tahun 2018.

9. Selain dari kerisauan ke atas penguncupan nilai dagangan dan pertumbuhan ekonomi, terdapat jangkaan kesan positif pada rantau Asia di mana syarikat-syarikat besar atau MNC di Amerika Syarikat atau RRC dan akan mula berfikir untuk menukar lokasi pengeluaran dan strategi perniagaan bagi mengelak dari terkesan secara langsung dengan tarif yang dikenakan oleh AS ke atas RRC. Akibat kenaikan cukai import di AS dan RRC akan secara langsung meningkatkan harga barangan import dan juga kos. Ini secara tidak langsung akan menggalakkan pengaliran masuk pelaburan ke negara-negara lain seperti Asia, khususnya di sekitar negara-negara ASEAN.
10. Dewan Perniagaan Amerika Syarikat (AmCham) di RRC misalnya, telah melaksanakan kaji selidik ke atas 430 syarikat AS di RRC dan mendapati bahawa 30.9% dari mereka bersedia untuk mendapatkan komponen atau membuat pemasangan produk-produk mereka di luar negara RRC. Satu pertiga dari mereka mengatakan destinasi pilihan adalah Asia Tenggara. Ini adalah peluang. Jika kita tidak melihat ini sebagai suatu yang baik, negara-negara jiran kita akan merebut peluang ini dan kita akan ketinggalan.

Tuan Yang Dipertua,

11. Tidak dinafikan bahawa perang perdagangan yang sedang berlaku di antara AS dan RRC telah mengundang kerisauan terhadap pengeluaran-pengeluar domestik dan para pelabur yang menjalankan aktiviti mereka di Malaysia. Kerajaan Malaysia tidak mengambil ringan atas kebimbangan tersebut dan telah mengambil langkah awal dengan menubuhkan Pasukan Petugas Khas Konflik Perdagangan Amerika Syarikat-China atau dengan izin, *US-China Taskforce on Trade Conflict* pada Julai 2018.

12. Pasukan petugas khas ini ditubuhkan dengan tujuan untuk memantau dan menangani perkembangan konflik perdagangan AS-RRC dan juga tindak balas dari negara-negara lain. Selain daripada itu, pasukan ini juga bertindak sebagai platform bagi pihak berkepentingan untuk mengemukakan pandangan, komen dan maklumbalas mengenai konflik ini.
13. Pasukan Petugas Konflik Perdagangan Amerika Syarikat-China kini sedang dalam proses menjalankan soal selidik bersama-sama industri bagi mendapatkan maklum balas dalam merumuskan strategi untuk menangani konflik perdagangan Malaysia.
14. Selain itu, pada Perhimpunan Agong PBB yang ke-73 yang diadakan pada 28 September 2018, YAB Perdana Menteri juga telah menyatakan pendirian Malaysia yang tidak menyokong perang dagang ini kerana ia akan menjejaskan banyak pihak. Pada masa yang sama, YAB Perdana Menteri telah berjumpa dengan komuniti perniagaan Amerika Syarikat untuk berkongsi hala tuju kerajaan baharu bagi dasar perdagangan dan pelaburan negara. Perjumpaan ini berjaya memberi keyakinan bahawa kerajaan baharu adalah pro-perdagangan dan pro-pelaburan.

Tuan Yang Dipertua,

15. Bagi meningkatkan lagi eksport negara, Agensi Promosi Perdagangan Kebangsaan Malaysia (MATRADE) telah mengenalpasti beberapa kategori produk berpotensi untuk pasaran AS dan RRC. Antara kategori produk tersebut adalah E&E, kelengkapan mesin, produk optikal dan saintifik, produk petroleum, dan juga kimia. Bagi negara RRC misalnya, pengurangan import kacang soya dari AS akan membuka jalan bagi peningkatan eksport minyak sawit Malaysia ke pasaran RRC.
16. Kita sentiasa melaksanakan interaksi berterusan di antara MITI dan komuniti perniagaan seperti *American-Malaysian Chamber of*

NO. SOALAN : 36

Commerce, US-ASEAN Business Council dan *US Chamber and Commerce* **[dengan izin]** menggambarkan komitmen dan keyakinan mereka, terutamanya dalam mengembangkan pelaburan sedia ada di Malaysia. Malah, delegasi *US-ASEAN Business Council* telah melawat Malaysia pada 16-18 Oktober 2018 untuk meneroka peluang pelaburan serta bertemu dengan beberapa kementerian dan agensi kerajaan, termasuk dengan MITI. MITI yakin pertemuan dan perbincangan terbuka seperti ini adalah penting untuk menambah baik persekitaran perniagaan dan meninjau peluang kerjasama dalam sektor-sektor berkepentingan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN SYED IBRAHIM BIN SYED NOH
[LEDANG]**

TARIKH : 22 OKTOBER 2018

SOALAN : Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan sama ada Kerajaan Malaysia atau mana-mana pertubuhan antarabangsa yang dianggotainya merancang untuk membawa usul/resolusi ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) untuk menangani isu Rohingya di Myanmar dan apakah peranan ASEAN dalam hal ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Terima kasih saya ucapkan kepada YB Ledang atas pertanyaan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Malaysia mengambil pendirian berprinsip yang jelas dan konsisten mengenai isu penindasan etnik Rohingya. Malaysia bukan sahaja aktif membangkitkan isu ini di peringkat ASEAN, malah juga di peringkat OIC dan di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB). Sejak berlakunya krisis kemanusiaan melibatkan etnik Rohingya, Malaysia terus menggesa Kerajaan Myanmar menghentikan penindasan dan kekejaman yang dilaporkan berlaku ke atas etnik Rohingya.

3. Menerusi satu kenyataan Menteri Luar Negeri bertarikh 29 Ogos 2018, Malaysia telah menuntut agar mereka yang bertanggungjawab ke atas pelanggaran hak asasi manusia etnik Rohingya di bawa ke muka

pengadilan, termasuk melalui mekanisme kehakiman antarabangsa. Malaysia juga mengemukakan kebimbangannya ke atas hasil laporan yang dikemukakan oleh *United Nations Independent International Fact-Finding Mission (FFM)* berkenaan Myanmar, yang meneliti pelbagai bentuk kekejaman, penindasan dan diskriminasi yang dilakukan ke atas etnik Rohingya. Malaysia berpandangan bahawa ianya mempunyai persamaan dengan kes-kes genosid yang pernah berlaku sebelum ini. Dalam masa yang sama, Malaysia juga telah menzahirkan kekecewaannya kepada Kaunselor Negara Myanmar, Aung San Suu Kyi, melalui Utusan Khas beliau yang membuat lawatan ke Malaysia pada 5 September 2018.

Tuan Yang di-Pertua,

4. Saya ingin mengambil peluang ini untuk memaklumkan Dewan yang mulia ini bahawa hasil daripada usaha-usaha Malaysia, negara-negara anggota ASEAN kini mengambil pendekatan yang lebih kritis terhadap Kerajaan Myanmar. Sebagai contoh, pada mesyuarat Menteri-Menteri Luar ASEAN dengan Setiausaha Agong PBB di sela-sela Perhimpunan Agong UNGA ke-73, telah digariskan bahawa ASEAN tidak boleh menidakkan krisis yang melanda Negeri Rakhine. Oleh yang demikian, proses repatriasi pelarian Negeri Rakhine perlu dimulakan dengan segera. Pada masa ini, ASEAN masih terus menjalankan usaha-usaha penyaluran bantuan kemanusiaan untuk membantu pelarian Rohingya, termasuklah melalui *ASEAN Coordination Centre for Humanitarian Assistance (AHA Centre)*.

5. Di peringkat PBB, Malaysia tidak teragak-agak untuk membangkitkan isu Rohingya. Contohnya di bawah kerangka Majlis Hak Asasi Manusia (HRC), PBB, Malaysia terlibat aktif dalam perbincangan berhubung isu Rohingya. Malaysia juga menyokong penuh (*co-sponsor*) resolusi PBB yang memberikan mandat kepada (dengan izin) *Independent, International Fact-Finding Mission (FFM) on Myanmar* untuk membuat penyiasatan ke atas kes ini. Proses ini telah menghasilkan satu laporan komprehensif berkenaan pelanggaran hak asasi manusia melibatkan etnik Rohingya.

6. Pada Sesi HRC ke-39 yang diadakan di Geneva, Switzerland pada bulan September 2018, Malaysia telah berjaya, bersama-sama dengan negara-negara OIC dan Kesatuan Eropah, membawa satu resolusi berkenaan situasi hak asasi manusia etnik Rohingya dan lain-lain minoriti di Myanmar. Hasilnya, satu mekanisme baru ditubuhkan di bawah HRC untuk mengumpul dan menganalisa bukti-bukti pelanggaran hak asasi manusia yang berlaku ke atas kumpulan minoriti termasuk etnik Rohingya di Myanmar. Tujuannya adalah untuk membantu proses pengadilan antarabangsa di masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua,

7. Kerajaan terus meneliti langkah-langkah yang dikatakan diambil oleh Kerajaan Myanmar untuk menyiasat kes-kes pelanggaran hak asasi manusia yang dilaporkan. Walau bagaimanapun, sehingga kini, proses dalaman Myanmar untuk menegakkan kedaulatan undang-undangnya sendiri dilihat tidak berjaya mendapatkan keadilan yang sewajarnya.

8. Justeru, Malaysia telah pun mencadangkan agar isu penindasan etnik Rohingya ini dikemukakan kepada mana-mana mahkamah antarabangsa. Pada masa ini, satu proses penyiasatan telah pun bermula di Mahkamah Jenayah Antarabangsa (*International Criminal Court - ICC*).

9. Dalam hal ini, Malaysia berpandangan bahawa Majlis Keselamatan PBB (*United Nations Security Council - UNSC*) juga berperanan untuk merujuk isu Rohingya ini kepada proses kehakiman antarabangsa, termasuk dalam menubuhkan tribunal antarabangsa dengan mandat khas. Namun, kuasa-kuasa P5 Majlis Keselamatan PBB masih tidak boleh bersepakat berhubung perkara ini. Walaupun begitu, Malaysia akan terus menggembelng tenaga dengan negara-negara yang sependirian (*like-minded countries*) untuk memastikan agar keadilan dapat dilunaskan kepada etnik Rohingya.

Sekian, terima kasih.

**DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2018)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 22 OKTOBER 2018 (ISNIN)

**DARIPADA : DATUK ALEXANDER NANTA LINGGI
[KAPIT]**

SOALAN : 38

Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan secara terperinci tahap kejayaan atau pencapaian oleh Kerajaan Pakatan Harapan terhadap manifesto Pakatan Harapan semasa Pilihanraya Umum ke-14 yang telah diadakan pada 9 Mei 2018.

**JAWAPAN: YB DATUK LIEW VUI KEONG
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, dalam tempoh 100 hari pentadbiran Kerajaan Pakatan Harapan, 80% daripada 10 perkara yang telah dijanjikan telah pun dilaksanakan. Manakala, 464 inisiatif yang dikenal pasti daripada 60 janji dan 5 Iltizam, sebanyak 28 (6%) inisiatif telah dilaksanakan oleh pihak Kerajaan.

2. Dalam pada itu, Kerajaan akan terus meneliti baki 436 inisiatif yang telah dikenal pasti agar ianya dilaksanakan dengan teratur dan mengikut undang-undang. Malah, penentuan pelaksanaan inisiatif

NO. SOALAN: 38

tersebut akan mengambil kira implikasinya terhadap status semasa kewangan Negara.

Sekian, terima kasih.

**DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2018)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 22 OKTOBER 2018 (ISNIN)

**DARIPADA : TUAN OSCAR LING CHAI YEW
[SIBU]**

SOALAN : 39

Tuan Oscar Ling Chai Yew [SibU] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah perkembangan kajian Jawatankuasa Reformasi Pilihan Raya (ERC) pada setakat ini. Adakah SPR akan lapor ke Parlimen pada masa akan datang.

**JAWAPAN: YB DATUK LIEW VUI KEONG
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Izinkan saya menjawab soalan ini bersekali dengan pertanyaan oleh **YB Tuan Lim Kit Siang [Iskandar Puteri]** pada **4 Disember**

2018 yang menyentuh isu sama berkenaan Jawatankuasa Pembaikan Sistem dan Undang-Undang Pilihan Raya.

2. Seperti mana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Jawatankuasa Pembaikan Sistem dan Undang-Undang Pilihan Raya atau singkatannya ERC telah ditubuhkan dengan matlamat utama mengkaji sistem dan undang-undang pilihan raya sedia ada dan mengemukakan cadangan-cadangan untuk memperkemaskan pelaksanaannya. Objektif utama kajian ERC adalah bagi memastikan pilihan raya yang dilaksanakan di negara ini adalah pilihan raya yang berwibawa atau *credible*, dengan izin serta mendapat kepercayaan awam. Justeru, ERC diberikan tempoh selama dua (2) tahun bagi mengemukakan suatu laporan yang mengandungi cadangan-cadangan reformasi sistem dan undang-undang pilihan raya.

3. Di samping itu, dalam melaksanakan fungsinya yang berasaskan kepada Terma Rujukan, ERC akan turut bekerjasama dengan pelbagai pihak terutama Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR). Dalam tempoh dua tahun ini, Jawatankuasa tersebut akan mengkaji dan meneliti cadangan-cadangan pembaikan tentang sistem dan proses pilihan raya termasuk cadangan pindaan undang-undang pilihan raya dan undang-undang yang berkaitan. Buat masa ini, ERC giat menjalankan kajian dan perbincangan dengan pihak-pihak tempatan dan luar negara. Kerangka awal cadangan pembaikan sistem dan undang-undang pilihan raya dijangka dapat disiapkan dalam masa satu tahun.

4. Selepas tamat tempoh dua (2) tahun, satu laporan hasil kajian dan cadangan penambahbaikan akan diserahkan kepada Kerajaan dan

NO. SOALAN: 39

pelaksanaan cadangan-cadangan tersebut akan ditentukan oleh Kerajaan.

5. Ahli Yang Berhormat, berkenaan cadangan Ahli Yang Berhormat untuk laporan tersebut dibentangkan di Dewan yang mulia ini, hanya akan diputuskan setelah laporan tersebut diteliti dan diumumkan pelaksanaannya kelak oleh Kerajaan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB. DATO' SRI HAJAH NANCY SHUKRI
[BATANG SADONG]**

TARIKH : 22 OKTOBER 2018

SOALAN :

Minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan langkah atau kerjasama yang diambil oleh Kementerian untuk memastikan negeri Sarawak mempunyai Taman Budaya untuk menggalakkan orang setempat mengamalkan tradisi dan budaya mereka.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya melalui Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) telah mempunyai perancangan untuk membina kompleks JKKN atau Taman Budaya di Sarawak bagi tujuan melaksanakan aktiviti kebudayaan dan kesenian akan tetapi cadangan ini tidak dapat dilaksanakan dalam tempoh terdekat kerana kekangan peruntukan. Walau bagaimanapun, cadangan pembinaan kompleks ini boleh dipertimbangkan sekiranya Kerajaan Negeri Sarawak dapat menyediakan tapak tanah yang sesuai tanpa mengenakan sebarang bayaran.

SOALAN NO : 40

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga kini JKKN telah mempunyai 11 buah kompleks pejabat atau Taman Budaya di 11 buah negeri yang mempunyai kemudahan seperti ruang pentadbiran, bilik seminar, bilik latihan, auditorium dan pentas terbuka. Kompleks-kompleks JKKN juga membenarkan orang ramai dan penggiat seni menggunakan prasarana dan kemudahan sedia ada bagi melaksanakan aktiviti seni dan budaya anjuran persatuan, sekolah, komuniti, agensi Kerajaan termasuk swasta.

Walau bagaimanapun, di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10), kerajaan telah meluluskan peruntukan sejumlah RM8 juta bagi Projek Pembinaan Pusat Budaya Bung Warisan Bung Bratak di Bau, Sarawak. Projek ini melibatkan komponen seperti pembinaan 2 blok rumah panjang yang boleh memuatkan 200 orang tetamu/pengunjung/pelancong, baruk, pentas terbuka, ruang pejabat, stor, ruang tempat letak kenderaan, kedai cenderamata, landskap, tempat duduk penonton, laluan pejalan kaki, muzium, paip air, surau dan bilik rehat.

Projek yang dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya Negeri Sarawak ini dijangka siap sepenuhnya pada penghujung Oktober 2018. Projek ini merupakan salah satu warisan budaya bagi memperingati peristiwa 1 Mei 1838. Apabila siap, ia akan menjadi daya tarikan utama di Bau, Sarawak dengan kemudahan pelancongan yang lebih selesa.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SERI HAJI IDRIS BIN JUSOH [BESUT]

TARIKH : 22 OKTOBER 2018 (ISNIN)

SOALAN NO.41

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jaminan Kementerian ke atas kadar yuran sedia ada tidak akan dinaikkan bagi membolehkan Pendidikan di Malaysia kekal dengan kadar antara yang terendah di dunia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pendidikan rendah dan menengah Kerajaan adalah percuma sepenuhnya. Pendidikan di peringkat pendidikan tinggi pula adalah hampir percuma iaitu pelajar hanya membayar 10 peratus sahaja daripada kos operasi. Ini bermakna setiap pelajar Universiti Awam (UA) secara tidak langsung menerima 90 peratus subsidi daripada Kerajaan.

Yuran pengajian yang dibayar oleh pelajar UA juga adalah jauh lebih murah daripada yuran pengajian di institusi pendidikan tinggi swasta disebabkan Kerajaan membiayai hampir 90 peratus daripada kos pendidikan di UA. Kos 10 peratus ini juga ditanggung oleh Kerajaan melalui biasiswa dan secara tidak langsung melalui pinjaman PTPTN. Bayaran balik pinjaman pula boleh dirunding mengikut kadar kemampuan peminjam.

Selain KPM, terdapat Kementerian dan agensi Kerajaan lain yang turut menyediakan penajaan kepada pelajar melanjutkan pengajian ke institusi pendidikan tinggi seperti Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Majlis Amanah Rakyat (MARA), Yayasan-Yayasan Negeri dan agensi berkaitan Kerajaan seperti PETRONAS, Yayasan Tenaga Nasional, Yayasan Telekom, Bank Negara Malaysia dan Khazanah Nasional.

Selain itu, pada masa ini Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) juga tidak bercadang untuk menaikkan kadar yuran pengajian bagi pelajar warganegara.

RJM27

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB DATUK SERI DR. RONALD KIANDEE

TARIKH : 22 OKTOBER 2018 (ISNIN)

SOALAN : 42

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee (Beluran) minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah punca kelewatan mewujudkan semula Akta Perkhidmatan Parlimen 1963 yang merupakan antara perancangan reformasi Parlimen sebelum ini dan adakah Kementerian bersedia membentangkannya dalam sidang kali ini untuk membuktikan keseriusan Kerajaan dalam proses reformasi Parlimen.

JAWAPAN: YB DATUK LIEW VUI KEONG

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Selaras dengan Manifesto Pakatan Harapan melalui Janji 16 : Mengembalikan Wibawa Institusi Parlimen, Kerajaan sedang mengkaji dengan teliti cadangan untuk melaksanakan reformasi Parlimen termasuk mewujudkan semula Akta Perkhidmatan Parlimen.

NO. SOALAN : 42

Cadangan untuk mewujudkan Akta Perkhidmatan Parlimen ini telah dibawa ke Jawatankuasa Dewan, Majlis Dewan Rakyat Parlimen Keempat Belas pada 9 Oktober 2018 (Selasa) dan 17 Oktober 2018 (Rabu) bagi membincangkannya seterusnya mempertimbangkannya.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **Y.B. DATUK SERI IR. DR. WEE KA SIONG**
[AYER HITAM]
TARIKH : **22 OKTOBER 2018 (ISNIN)**

SOALAN NO. 43

Y.B. DATUK SERI IR. DR. WEE KA SIONG [AYER HITAM] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berikutan keputusan Kerajaan untuk meminjam lebih banyak wang melalui terbitan bon untuk kegunaan pembangunan negara, :-

- (a) apakah rasionalnya dan berapakah jumlah bon yang akan diterbitkan; dan
- (b) apakah jangkaan nisbah hutang rasmi Kerajaan kepada KDNK pada tahun 2010 & 2023 berbanding dengan nisbah pada akhir tahun 2017..

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Keperluan pembiayaan Kerajaan Persekutuan diperoleh sebahagian besarnya daripada sumber dalam negeri menerusi penerbitan bon dan sukuk Kerajaan memandangkan kecairan tunai yang tinggi dalam pasaran kewangan domestik. Sejar dengan peraturan kewangan yang telah ditetapkan seperti yang termaktub di dalam Akta Pinjaman (Tempatan) 1959 [Akta 637] dan Akta Pendanaan Kerajaan 1983 [Akta 275], pinjaman yang dibuat akan dipastikan sentiasa pada kos yang terendah dan dihadkan hanya bagi membiayai perbelanjaan pembangunan, selaras dengan disiplin fiskal yang telah diamalkan. Maka, pinjaman ditumpukan kepada perbelanjaan pembangunan bagi projek berimpak tinggi yang akan memberi pulangan kepada negara dan rakyat dalam tempoh jangka masa panjang. Kesemua terbitan bon Kerajaan Persekutuan bagi tujuan belanja pembangunan adalah berdasarkan anggaran perbelanjaan pembangunan dan had siling Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11).

2. Bermula Januari sehingga akhir September 2018, jumlah pinjaman kasar yang dibuat menerusi terbitan bon dan sukuk Kerajaan adalah RM87.5 bilion, iaitu Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS) berjumlah RM41.5 bilion dan Terbitan Pelaburan Kerajaan (MGII) adalah sebanyak RM46 bilion. Daripada jumlah ini, sebanyak RM46.3 bilion adalah untuk membiayai semula pinjaman, manakala RM36.7 bilion digunakan untuk membiayai defisit fiskal Kerajaan Persekutuan. Baki sebanyak RM4.5 bilion adalah untuk membayar balik hutang yang akan matang pada bulan seterusnya bagi tahun 2018.

Tuan Yang di-Pertua,

3. Pada akhir tahun 2017, kedudukan komitmen hutang dan liabiliti Kerajaan adalah berjumlah RM1,087.3 bilion atau 80.3% daripada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK). Daripada jumlah ini, hutang langsung Kerajaan Persekutuan

NO SOALAN : 43

adalah sebanyak RM686.8 bilion atau 50.8% daripada KDNK (kekal di bawah paras 55% daripada KDNK), manakala komitmen liabiliti luar jangka yang ditanggung dan sedang dibayar Kerajaan adalah berjumlah RM199.1 bilion atau 14.6% daripada KDNK. Baki sebanyak RM201.4 bilion atau 14.9% daripada KDNK pula adalah bayaran pajakan kewangan (*finance lease*) bagi tempoh 2017 - 2045 ke atas projek yang dilaksanakan secara *Public-Private Partnership* (PPP) di bawah Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS). Kesemua ini merupakan obligasi tunai Kerajaan sehingga tahun 2045 yang perlu ditanggung melalui peruntukan tahunan bagi membiayai bayaran khidmat hutang dan bayaran pokok hutang serta bayaran pajakan kewangan (*finance lease*).

4. Pada akhir tahun 2010, hutang langsung Kerajaan Persekutuan berjumlah RM407.1 bilion atau 49.6% daripada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK). Paras hutang pada akhir tahun 2017 telah meningkat sebanyak RM279.7 bilion berbanding akhir tahun 2010. Peningkatan ini berikutan Kerajaan telah mengambil langkah proaktif memperkenalkan langkah kitaran balas atau *counter-cyclical measures*, termasuk melaksanakan Pakej Rangsangan Ekonomi berjumlah RM67 bilion bagi memastikan kestabilan ekonomi dalam tahun 2008, tahun di mana berlakunya krisis kewangan global.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN

MESYUARAT KEDUA, DEWAN RAKYAT

PENGGAL PERTAMA, PARLIMEN KEEMPAT BELAS

MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN AHMAD MARZUK BIN SHAARY
[PENGKALAN CHEPA]**

TARIKH : 22 OKTOBER 2018 (ISNIN)

SOALAN :

Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan pembaharuan yang dilaksanakan oleh Kementerian dalam sistem bantuan berbanding Kerajaan terdahulu. Apakah Kementerian mengakui bahawa masih terdapat banyak aduan tentang kelewatan bayaran bantuan dan pemotongan bantuan secara tidak adil.

**JAWAPAN: YAB DATO' SERI DR. WAN AZIZAH DR. WAN ISMAIL,
TIMBALAN PERDANA MENTERI MERANGKAP
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA
DAN MASYARAKAT**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sentiasa komited untuk memastikan perkhidmatan bantuan diberikan kepada kumpulan sasar dengan cepat dan berkesan. Sebagai Kerajaan yang prihatin terhadap golongan miskin dan berkeperluan, pelbagai usaha telah dilaksanakan oleh Kementerian bagi memastikan bantuan bulanan dapat disalurkan mengikut ketetapan masa yang ditetapkan.

Kementerian melalui JKM menguruskan proses pemberian bantuan melalui Sistem Pengurusan Bantuan Kebajikan (e-BANTUAN). Pada tahun 2018 sistem ini telah melalui fasa penambahbaikan yang menyeluruh bagi membolehkan bantuan dapat disalurkan kepada yang memenuhi kelayakan mengikut masa yang ditetapkan. Sistem e-BANTUAN merupakan sistem pangkalan data penerima bantuan dalam talian (*online*) yang diwujudkan bagi memudahkan proses permohonan

bantuan, siasatan dan kelulusan, proses bayaran, pemantauan, pengumpulan statistik dan membudayakan teknologi maklumat serta komunikasi di kalangan kakitangan JKM selari dengan proses kerja ISO 9001:2015.

Pihak JKM telah berusaha bagi memastikan bayaran bantuan bulanan kepada semua penerima di bawah peruntukan Kerajaan Persekutuan melalui **106** Pusat Tanggung Jawab (PTJ) tidak berlaku kelewatan, pihak JKM telah mengambil inisiatif dengan arahan agar bantuan disalurkan melalui bank. Daripada jumlah 381,125 penerima bantuan bulanan bagi bayaran bulan Ogos 2018, sejumlah 380,916 penerima iaitu kira-kira 99.95 peratus bayaran bantuan bulanan telah dibuat pembayaran melalui bank. Manakala hanya 175 kes masih dibuat bayaran secara tunai disebabkan penerima sakit terlantar dan kurang upaya mental.

Sebagai makluman Yang Berhormat juga, Sistem Pengurusan Bantuan Kebajikan (e-BANTUAN) adalah merupakan satu-satunya sistem pemberian bantuan kerajaan yang telah diintegrasikan dengan iGFMAS (*Government Financial Management Accounting System*). Dengan integrasi sistem ini, ia telah memberi kesan pembayaran kepada

penerima bantuan JKM khususnya bagi bayaran bantuan bulanan dapat disalurkan mengikut masa yang ditetapkan.

Sekiranya masih terdapat aduan tentang kelewatan bayaran bantuan atau pemotongan bantuan secara tidak adil, mohon dimajukan ke Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah berhampiran atau melalui Talian Kasih 15999 bagi membolehkan tindakan selanjutnya diambil agar kebajikan dan kesejahteraan masyarakat terus terbela.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN SHAHARIZUKIRNAIN BIN ABD. KADIR
[SETIU]
TARIKH : 22 OKTOBER 2018 (ISNIN)

SOALAN NO. 45

Minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah status terkini cadangan pembinaan sebuah klinik kesihatan di Kampung Rhu 10 Setiu kerana permohonan telah dibuat sejak RMK9 tetapi masih belum mendapat kelulusan sehingga kini walaupun keperluan amat mendesak kepada penduduk setempat.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Dalam usaha untuk memberi perkhidmatan kesihatan yang terbaik dan berkualiti tinggi kepada rakyat, Kementerian Kesihatan Malaysia sentiasa berusaha dengan melaksanakan perancangan yang rapi khususnya bagi membina fasiliti-fasiliti kesihatan yang baru agar ianya mampu untuk memenuhi hasrat dan harapan rakyat kepada Kerajaan.

Bagi cadangan pembinaan sebuah klinik kesihatan di Kampung Rhu 10 Setiu, Terengganu, Kementerian Kesihatan Malaysia telah mengambil langkah yang proaktif dengan menyenaraikan projek ini untuk dilaksanakan di bawah Program Rancangan Malaysia (RMK). KKM telah mempunyai maklumat mengenai cadangan projek ini dan pernah mengemukakan cadangan pelaksanaan projek ini untuk pertimbangan Unit Perancang Ekonomi (UPE) dibawah RP1 dan RP 2 RMK11 namun, tidak mendapat kelulusan daripada pihak UPE. Manakala, di dalam RP3 dan RP 4, projek ini tidak dapat disenaraikan atas faktor kekangan jumlah peruntukan yang telah ditentukan kepada Kementerian oleh pihak UPE bagi RP 3 dan RP 4.

Walaupun cadangan pembinaan sebuah klinik kesihatan di Kampung Rhu 10 Setiu, Terengganu tidak diluluskan buat masa ini, tetapi keperluan pembinaan klinik ini akan sentiasa dikaji dari masa ke semasa agar ianya dapat direalisasikan di masa akan datang.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN AWANG BIN HASHIM
[PENDANG]
TARIKH : 22 OKTOBER 2018 (ISNIN)

SOALAN NO. 46

Y.B. TUAN AWANG BIN HASHIM [PENDANG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah keseluruhan pendapatan negara yang dijangkakan melalui *fixed income* dan *variable income* pada tahun 2019.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Hasil Kerajaan Persekutuan terbahagi kepada empat komponen utama, iaitu hasil cukai, hasil bukan cukai, terimaan bukan hasil dan hasil daripada Wilayah Persekutuan. Hasil Kerajaan Persekutuan yang utama adalah melalui hasil cukai yang diklasifikasikan kepada hasil cukai langsung dan hasil cukai tidak langsung. Dua komponen utama dalam hasil Kerajaan Persekutuan iaitu cukai pendapatan syarikat dan cukai pendapatan individu.
2. Untuk makluman ahli Yang Berhormat, *fixed income* merujuk kepada hasil tetap tanpa mengira perkembangan semasa manakala *variable income* pula adalah sebaliknya. Sehubungan itu, kutipan hasil Kerajaan Persekutuan boleh dikategorikan sebagai *variable income* memandangkan ia sangat bergantung kepada pelbagai faktor seperti perkembangan ekonomi, harga komoditi, tukaran wang asing, prestasi kewangan syarikat dan sebagainya. Selain itu, kemapanan kutipan hasil turut merupakan faktor yang perlu diambil kira, di mana kutipan hasil negara boleh dikasifikasikan sebagai mapan kerana hasil cukai terutamanya cukai langsung adalah selari dengan perkembangan ekonomi semasa negara.
3. Bagi tahun 2018, hasil Kerajaan Persekutuan yang telah dibentang di Dewan Rakyat pada 27 Oktober 2017 dianggar sebanyak RM239.9 bilion. Walau bagaimanapun, anggaran hasil Kerajaan Persekutuan 2019 akan hanya dibentangkan di Dewan Rakyat pada 2 November 2018.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI PANGLIMA MADIUS TANGAU
[TUARAN]**

TARIKH : 22 OKTOBER 2018 (ISNIN)

SOALAN NO.47

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah status Pengajaran dan Pembelajaran Bible Knowledge di dalam sistem pendidikan Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mata pelajaran Bible Knowledge bukan merupakan sebahagian daripada kurikulum kebangsaan. Hal ini adalah selaras dengan peruntukan Seksyen 51 Akta Pendidikan 1996 [Akta 550] yang memperuntukan bahawa pengajaran agama selain daripada agama Islam hanya boleh diadakan dengan syarat tidak dibiayai dengan wang yang diperuntukan oleh Parlimen dan mendapat keizinan secara bertulis daripada ibu bapa murid berkenaan.

Walau bagaimanapun, berdasarkan Surat Pekeliling Ikhtisas Bilangan 4 Tahun 2011: Pelaksanaan Pengajaran Bible Knowledge Kepada Murid-Murid Beragama Kristian Di Sekolah-Sekolah Kerajaan dan Sekolah-Sekolah Bantuan Kerajaan Selepas Waktu Persekolahan bertarikh 27 April 2011 mata pelajaran Bible Knowledge boleh diajarkan di sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan di luar waktu persekolahan.

RJM28